



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 2

RABU 14HB JANUARI, 1981.

رابع 8 ربيع الاول 1401

PERCHUMA

Perarakan Maulud serentak empat daerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-jangka berangkat berchemar Duli ka-Padang Besar di-sini untuk bersama raayat Baginda di-upacara Perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang akan berlangsung Ahad depan.

Perarakan tersebut adalah merupakan acara kemunchak bagi perayaan memperingati Hari Keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. yang mana pada tahun ini berthemakan 'Berazam mempertahankan kesucian Islam'.

Lebeh dari 30,000 orang umat Islam akan mengambil bahagian di-perarakan tersebut bagi daerah Brunei-Muara yang mengandungi pasokan2 Penduduk2 Kampong, Jabatan2 Kerajaan, Sharikat2 Swasta, Persatuan2 Belia, Badan2 Kebajikan, Sekolah2 dan Maktab2.

Sementara itu beribu2 lagi umat Islam akan berhimpun di-lain2 daerah di-negeri ini bagi tujuan yang sama yang mana juga akan berlangsung serentak pada hari tersebut.

Di-Daerah Tutong perhimpunan akan di-adakan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, di-Daerah Belait bertempat di-Padang Kelab Ria Kuala Belait (KBRC), manakala di-Daerah Temburong perhimpunan akan di-langsungkan di-Pekan Bangar.



DTYM Paduka Seri Begawan Sultan

Persatuan Asia Diraja:

DYTM PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN DI-JUNJONG JADI PENANGUNG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Asia Diraja Chawangan Malaysia (The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society) di-dalam persidangan jawatankuasa-nya yang ketiga bulan Nobember tahun lepas telah menjun-jong Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin menjadi salah sa-orang penangung persatuan tersebut.

Mashuarat tersebut berlangsung di-Kelab Tanglin di-Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin terkenal dengan kegemaran Baginda menchipta shaer2 yang bernilai tinggi dan shaer2 Baginda itu ialah Rampaian Laila Shaer, Shaer Asli Rajang Hari, Shaer Perlembagaan, Shaer Kenangan, Shaer Nasehat dan Shaer Rajang Jenaka.

Menurut sumber yang di-dapati dari Muzium Brunei, Baginda boleh-lah di-sifatkan sa-bagai sa-orang ahli falsafah kehidupan, ahli kaji masharakat, sejarah dan sa-orang penyaer. "Semua ini akan kedapatan bila kita mengikuti shaer2 yang di-karang Baginda seperti yang di-sebutkan di-atas," jelas sumber tersebut.

Dua orang pemimpin yang telah pun di-lantik menjadi penangung persatuan tersebut ialah YAB Dato Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, dan YAB Awang Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura.

Presiden Persatuan itu ialah Tun Mohamed Suffian bin Hashim, Ketua

Hakim Negara, Malaysia dan terkandung sa-bagai salah sa-orang daripada enam orang Naib Presiden ia-lah Dato Paduka Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Metali, Pengarah Muzium Brunei.

Ahli2 jawatankuasa tadbir yang lain persatuan ini ia-lah Tan Sri Dato Mubin Sheppard, Dato Alwi bin Jantan, Dato Abang Haji Yusuf Puteh, Awang Mohamed Hashim bin Sam Abdul Latif dan Awang E.L.S. Jennings — kesemua-nya menjadi Naib Presiden persatuan tersebut.

Manakala ahli2 jawatankuasa persatuan termasuk-lah Mrs Hedwig Anuar, Professor Dato Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Professor Khoo Kay Kim, Datin Zakiah Hanum, Datin Patricia Lim Pui Huen dan Awang Shahrul bin Yub.

Manakala itu, Tan Sri Dato Mubin Sheppard telah terpilih menjadi Setiausaha Kehormat, Dato Abdul Aziz bin Hussein, Bendahari Kehormat dan Penolong Bendahari Kehormat ia-lah Awang D.J.M. Tate.

Tidak harus ada di-kalangan umat Islam:

ORANG2 HIPOKERIT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang2 hipokerit atau munafik yang bersifat keji tidak harus wujud di-kalangan umat Islam di-negeri ini terutama ketika negara sedang menuju kemerdekaan yang berdaulat pada tahun 1983.

Demikian di-ingatkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Md. Daud ketika bersabda merasmikan Zikir Maulud sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah di-adakan di-Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini pada malam Rabu yang lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali sa-terusnya mengingatkan bahawa sifat atau sikap tidak jujur serta berpura-pura itu tidak akan mendatangkan



YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Pg Haji Ali

apa2 kemajuan terhadap apa2 jua pembangunan negara malah ia-nya merupakan "parasait" terhadap usaha2 kerajaan.

Yang Amat Mulia mengingatkan demikian kerana memandangkan adanya musuh2 anti Islam yang berusaha untuk mengeksploitasikan Islam.

"Mereka tidak mahu Islam mempengaruhi kehidupan manusia sa-jagat walau pada hakikat-nya mereka mengetahui bahawa Islam itu dapat menjamin kerejahteraan umat manusia," sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia itu sa-terusnya menjelaskan ada berbagai-bagai chara musuh anti Islam itu untuk mencapai matalamat dan tujuan mereka termasuk sikap militan seperti yang di-alami di-

beberapa negara Islam dewasa ini.

Di-samping itu sabdanya, chara internal ia-itu melalui ugama atau melalui perantaraan pengikut Islam itu sendiri sa-hingga timbul apa yang di-sebutkan ajaran2 sesat, song-sang dan sa-bagai-nya dengan tujuan untuk meng-hilangkan keperchayaan umat Islam terhadap ugama-nya.

"Sa-lain itu di-sebabkan soal ugama pada hari ini merupakan persoalan samasa yang agak panas dan serius lagi sensitif, maka kita dapati ada golongan2 chaubanis atau golongan yang sentiasa mengambil kesempatan dengan paspot Islam bagi kepentingan persendirian mahu pun sesuatu kumpolan di-mana mereka bertopengkan Islam untuk mencapai hasrat dan kepentingan mereka, dan kemudian apabila sudah tercapai segala apa yang mereka hasratkan maka mereka itu pula yang menjadi musuh Islam," ujar Yang Amat Mulia dalam sabdanya itu lagi.

Oleh itu, sabda Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali mengharapkan orang2 Islam wajib mempertahankan kesucian Islam dari di-nodai oleh musuh2 anti Islam seperti yang Rasulullah s.a.w. dan sahabat2 memperjuangkan Ugama

Lihat muka 18

Peraduan melukis Poster

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei kini sedang menerima lukisan2 peraduan melukis poster yang di-anjurkan oleh majlis tersebut, bagaimana pun peserta2 yang hendak menyertai-nya masih berkesempatan untuk menghantar lukisan2 mereka tidak lewat dari 31hb Januari ini.

Peraduan tersebut terbuka kepada seluruh penduduk negeri ini dan terbagi kepada tiga bahagian ia-itu bahagian A untuk penuntut2 tingkatan tiga ka-bawah, bahagian B untuk penuntut2 tingkatan empat ka-atas, sementara bahagian C terbuka kepada orang ramai sa-lain daripada penuntut2 dan murid2.

Lukisan2 poster hendaklah berukuran 18" x 24" atau 24" x 30" yang diperbuat dari kertas yang tebal sama ada di-lukis dalam bentok hitam putih atau warna, tetapi tidak lebeh empat warna.

Mereka yang ingin menyertai peraduan tersebut boleh-lah mendapatkan butir2 lanjut dan borang2 penyertaan dari Pejabat Pengangkutan Darat sama ada di-Jalan Gadong atau di-Kuala Belait. Sementara bagi mereka di-Daerah2 Tutong dan Temburong, borang2 boleh di-dapati dari Pejabat Daerah masing2.

Borang2 yang telah diisi berserta lukisan2 poster hendaklah di-hantar tidak lewat dari tarikh yang telah di-nyatakan kepada

Lihat muka 18

Manis-nya Iman

SA'AD bin Abi Waqqas (r.a.) meriwayatkan: "Saya mengatakan kepada Rasulullah (s.a.w.): Wahai Rasulullah! Saya sa-orang yang berharta. Tiada yang akan mewarisi harta saya itu kecuali sa-orang anak perempuan saya sahaja. Maka apa-kah boleh saya sedekahkan dua pertiga dari harta saya itu?" Rasulullah menjawab: "Tidak!" Saya bertanya pula: "Apa-kah boleh saya sedekahkan sa-paroh daripadanya?" Rasulullah menjawab: "Tidak!" Dan saya bertanya lagi: "Apa-kah boleh saya sedekahkan satu pertiga daripadanya?" Maka Baginda pun menjawab: "Satu pertiga itu pun sudah boleh di-katakan banyak. Sesungguhnya jika engkau membiarkan waris2 mu kaya raya ada-lah lebeh baik daripada engkau meninggalkan mereka miskin melata meminta2 kepada orang." — HADITH Nabi riwayat Bukhari dan Muslim.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

14HB JANUARI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

GOLONGAN YANG MENJADIKAN ISLAM SA-BAGAI TOPENG

SAMBUTAN Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun ini ada-lah berthemakan "Berazam Mempertahankan Kesuchian Islam". Tentu ada soalan kenapa thema itu demikian bunyi-nya? Sa-belum kita menchari2 jawapan-nya, kita sudah barang tentu dapat mengagakkan dengan bertolak dari beberapa sudut tentang AZAM MEMPERTAHANKAN dan KESUCHIAN itu. Namun demikian, lebeh banyak yang akan sa-pendapat bahawa kesuchian Islam itu telah di-nodai dalam linggang-linggok yang ada pada hari ini. Dalam pada itu, hari ini juga kita sama2 mengetahui betapa Islam itu telah mengembangkan sayap-nya begitu pesat sa-hingga golongan yang anti Islam terkapar untuk menchari jalan yang lebeh effective dalam menamatkan kuku yang boleh memesonkan penganut2 Islam. Sa-lain dari itu, kita juga sudah mampu menerima dan menimbang2 terhadap gambaran2 yang buruk mengenai pergolakan sa-sama Islam bila kita chermi apa yang telah berlaku di kalangan saudara2 Islam kita yang lain di-dunia ini. Semua itu memberikan pengarah2 yang besar dan sekali gus juga menimbulkan kebimbangan dari sudut kemantapan pegangan bersaudara sa-sama Islam yang telah mula menempoh keadaan yang tidak kukuh lagi dan sama sekali telah bertentangan dengan ajaran2 Nabi Besar kita yang TIDAK menginginkan berlaku-nya permusuhan antara sa-sama Islam. Demikian juga hal-nya dengan pergolakan2 yang lain yang mempengaruhi penganut2 Islam sa-hingga berlaku-lah kejelasan pegangan terhadap ajaran2 Islam itu sendiri. Semua itu di-hasilkan oleh gejala2 kehidupan yang lebeh mementingkan unsur2 keduniaan sa-lain dari semakin luas-nya pengarah2 "MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI" itu dalam membena pertapak2 persendirian hatta menjejaskan kepentingan orang lain yang juga sa-sama Islam. Pokok-nya, penjejasan kesuchian itu dapat kita kesani dari luar dan dalam diri kita sendiri dan sa-memang-nya molek bagi kita juga mengukuhkan azam agar kesuchian Islam itu tidak di-sisipi noda.

Dalam hubungan tersebut, kita patut berasa bimbang terhadap ada-nya golongan2 chaubanis atau golongan yang sentiasa mengambil kesempatan dengan paspot Islam bagi kepentingan2 persendirian mau pun sa-suatu kumpulan di-mana mereka bertopengkan Islam untuk menchari hasrat dan kepentingan mereka. Dan yang lebeh membimbangkan lagi, apabila sudah terchapai segala apa yang mereka hasratkan, maka mereka itu pula yang menjadi musuh Islam. Isu ini ada-lah di-antara yang di-bimbangkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Dato Setia Pengiran Haji bin Pengiran Haji Md Daud dan terkandung dalam ucapan-nya merasmikan majlis berzikir sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di Masjid Omar Ali Saifuddin yang baru lalu.

Yang Amat Mulia itu berpendapat bahawa orang2 seperti itu ada-lah di-istilahkan sa-bagai orang2 hipokrit atau munafik dan sifat keji yang seperti itu tidak harus ujud di-kalangan Umat Islam di-Negara Brunei Darussalam ini, terutama di-kala mana negara kita sedang menuju ka-arrah kemerdekaan yang berdaulat. Yang Amat Mulia itu seterusnya menekankan bahawa sifat atau sikap tidak jujur serta berpura2 itu tidak akan mendatangkan apa2 kemajuan dan perkembangan terhadap apa2 jua pembangunan negara, bahkan ia-nya akan merupakan parasait terhadap usaha2 Kerajaan ka-arrah kemajuan dan pembangunan negara.

Semoga akan terbuka-lah pintu hati kita demi untuk mengelakkan perkara2 yang memudharatkan itu.

SA-SUNGGOH - NYA saya berasa bershukor dan sangat2 berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan tuan2 di-dalam rumah Allah yang mulia ini, terutama dapat bersama-sama di-majlis yang mulia, ia-itu suatu majlis yang benar2 berkebajikan lagi banyak mendatangkan menafaat, serta ia-nya dapat memperlihatkan betapa keimanan dan rasa cinta dan kaseh sayang kita kepada junjongan besar kita Nabi Muohammad s.a.w. di-samping ia-nya dapat menunjukkan keshukoran kita kepada Allah s.w.t. kerana telah mengutus Nabi Muhammad s.a.w. kepada kita yang telah dapat menunjukkan kita ka-jalan yang lurus lagi di-redhai oleh Allah s.w.t. serta nabi yang telah dapat menyinari kehidupan kita dengan चाहaya keimanan dan keIslamn, sa-hingga kita tidak terabara-raba di-dalam kegelapan dan kesesatan.

Pegangan hidup

Di-samping itu majlis yang seperti ini juga dapat menunjukkan bahawa kita umat Islam di-Brunei ini ada-lah tidak ketinggalan dari umat Islam yang lain di-seluruh pelusok dunia ini untuk sama2 memperingati dan membesarkan hari Maulud-nya sa-orang nabi yang telah dapat merubah kehidupan manusia daripada kejahilan ka-arrah kehidupan yang bertamaddun dan berakhlak serta mempunyai pegangan hidup dengan beragama dengan ugama yang di-bawa-nya ia-itu Ugama Islam ugama yang hanya di-terima oleh Allah di-akhirat nanti.

Sa-sunggoh-nya kita umat2 Islam khas-nya umat Islam di-negeri ini

ISLAM KINI MERUPAKAN SUATU ALAM DAN KUASA YG SANGAT BERPENGAROH

ada-lah sangat2 beruntung kerana (kita maseh) berkesempatan untuk menyambut dan membesarkan Maulud nabi kita Muhammad s.a.w. di-awal abad kelima belas Hijrah, oleh itu sayugia-lah kita bershukor ka-hadhrat Allah s.w.t. yang telah memberikan kita nikmat Islam hingga keabad ini walau pun kita tidak sempat hidup bersama2 dengan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang telah memperjuangkan perkembangan Islam hingga dapat ujud dan berdiri tegoh di-dalam jiwa umat Islam di-hari ini, ia-itu abad kelima belas ini.

BERIKUT sedutan sabda YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali di-majlis berzikir sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin minggu lalu.

suchian Islam dan berjuang untuk menegakkan Islam di-muka bumi Allah ini atau apa yang di-katakan jihad itu, tidak-lah ia-nya terhenti sa-takat di-zaman Rasulullah dan para sahabat-nya sahaja, akan tetapi ia-nya adalah berterusan menjadi tanggong-jawab umat Islam hingga ka-akhir zaman.

Islam." Sa-sunggoh-nya thema ini ada-lah sanga bersesuaian dengan keadaan Islam dan penganut dewasa ini. Di-mana ugm Islam dewasa ini adalah merupakan suatu azam serta suatu kuasa yang sangat berpengaruh baik di kalangan orang2 Islam sendiri mau pun di-kalangan orang2 bukan Islam. Oleh yang demikian muso yang anti Islam berusaha untuk mengeksploitasika Islam, mereka tidak mah Islam mempengaruhi kehidupan manusia sejagat. Walau pada hakikat-nya mereka mengetahui bahawa Islam itu dapat menjamin kesejahteraan umat manusia. Oleh itu untuk menchari maksud di-tujuan musuh anti Islam itu, maka mereka menggunakan berbagai2 chara ada yang berupa militansi seperti yang di-alami oleh beberapa negara Islam dewasa ini. Chara yang lain pula ia-lah berupa internasional ia-itu melalui ugama Islam itu sendiri atau melalui perantaraan penganut2 Islam itu sendiri sa-hingga lahir-nya apa yang di-namakan ajaran2 sesat.

... maka kita umat Islam terus berpelok tuboh dengan Islam warisan kita itu tanpa menghiraukan ada-kah Islam hari ini di-tindas atau di-nodai serta di-chemoh oleh orang yang anti Islam atau pun tidak.

Akan tetapi tidak-lah bererti, dengan tiada Rasulullah dan para sahabat memperjuangkan Islam dan mempertahankan kesuchian-nya di-hari ini atau di-abad kelima belas ini, maka kita umat Islam terus berpelok-tuboh dengan Islam warisan kita itu tanpa menghiraukan ada-kah Islam hari ini di-tindas atau di-nodai serta di-chemoh orang yang anti Islam atau pun tidak.

Sa-benar-nya dalam kontek mempertahankan ke-

man bagi mempertahankan, memperjuangkan dan menegakkan Islam bukan ia-nya hanya sa-takat menjadi ugama kepercharaan akan tetapi mestilah ia-nya di-jadikan sa-bagai chara hidup yang menyeluruh dan meliputi segala bidang dan lapangan hidup kita.

Sa-bagaimana yang saya di-fahamkan bahawa thema sambutan pada tahun ini ada-lah berbunyi "Berazam Mempertahankan Kesuchian

Lihat muka 3



SA-BAHAGIAN dari umat Islam yang menghadiri majlis berzikir tersebut.

Menchapai Ijazah Perundangan

SA-ORANG demi sa-orang wanita Brunei kita mula munchol dengan tau-liah profeshenal mereka dalam usaha menambah bilangan wanita intelek kita, ini sudah tentu dapat mengikis dan menggolong fahaman sa-tengah orang yang mengatakan bahawa wanita Brunei tidak sa-tanding dengan wanita luar negeri atau yang mengatakan wanita Brunei itu lembab.

Baru2 ini keupayaan wanita Brunei telah di-buktikan oleh Dayang Hayati bte Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Hj. Mohd. Salleh, yang telah menamatkan pengajian Ilmu Perundangan di-United King-dom.

Kejayaan Dyg. Hayati di-dalam memperolehi Barrister-at-Law, telah menempatkan diri-nya sa-bagai wanita Melayu Brunei yang pertama mendapat kelulusan tersebut. Dengan kelulusan itu berti Brunei kini telah mempunyai dua orang Peguam wanita tempatan.

Pendidikan asas

Berusia 24 tahun, Dyg. Hayati mula mendapat pendidikan asas di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dalam tahun 1962, dan kemudian-nya menjadi pelajar di-Sekolah Persediaan Inggeris Brunei. Sa-telah lulus dalam peperiksaan Sekolah Persediaan Inggeris, Dayang Hayati meneruskan persekolahan di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, di-ibu negeri.

Dayang Hayati yang selalu tekun dalam pelajaran-nya, sering berjaya dalam pelajaran di-sekolah dan dalam peperiksaan yang di-duduki-nya. Untuk itu dia mendapat

Oleh :
AISAH PIEE

pangkat pertama dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (LCE), dan meneruskan pelajaran-nya ka-Tingkatan Empat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Dalam tahun 1973, Dyg. Hayati menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan berjaya mendapat pangkat pertama. Dari kelulusan chemerlang yang di-perolehi-nya itu melayakkan diri-nya bagi melanjutkan pelajaran di-United King-dom dalam tahun 1974.

Anak kelima

Mempunyai sa-ramai 13 orang adek beradek, Dyg. Hayati ada-lah anak kelima kepada Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh, bekas Ketua Pegawai Penerangan, dan Datin Hajjah Tinah bte Hj. Abd. Rahman. Apa yang menggembirakan ayah beliau ia-lah apabila Dayang Hayati menyuarakan keinginan-nya untuk menjadi sa-orang peguam.

"Saya sa-lama ini memang mengharap dan sentiasa berdo'a semoga ada di-antara anak2 saya yang akan menjadi sa-orang peguam, dan saya tidak menyangka bahawa anak saya, Hayati mempunyai minat dalam bidang tersebut," jelas Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh sa-waktu di-temui oleh pehak PELITA.

Di-United Kingdom, Dayang Hayati memulakan pengajian-nya di-peringkat tinggi di-Exeter College, di-mana dia mempelajari mata-pelajaran General Principal,



DAYANG Hayati (tengah) ketika mengabdikan gambar-nya bersama-sama dengan orang tua-nya, YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh dan Datin Hajjah Tinah yang di-ambil di-kediaman-nya di-Jalan Bedil, Lambak.

English Law, Sociology dan Economic History. Dalam peperiksaan yang di-duduki-nya itu Dayang Hayati mendapat dua mata-pelajaran peringkat lanjutan dalam mata-pelajaran General Principal dan Sociology.

Ahli Lincoln Inn

Kejayaan tersebut membolehkan Dayang Hayati memasoki North London Polytechnic sa-lama tiga tahun sa-hingga mendapat ijazah BA. Law. Dia juga telah menjadi ahli Lincoln Inn, dan meneruskan pe-

ngajian-nya di-Consult of Legal Education bagi mengambil peperiksaan English Bar sa-lama sa-tahun. Dayang Hayati di-sahkan menjadi Barrister pada 25hb November, 1980.

Di-samping mengikuti pengajian-nya, Dayang Hayati juga aktif dalam persatuan, terutama dalam Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom. Beliau pernah menjadi Naib Yang Dipertua Wanita Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha Kebajikan, dan Penasehat Naib Yang Dipertua per-

satuan tersebut, serta aktif dalam bidang perbahasan.

Sa-waktu di-tanya mengenai dengan pengajian Ilmu Perundangan yang di-ikuti-nya, Dayang Hayati menjelaskan, "Memang pada mula-nya saya merasa sukar untuk mengikuti pengajian di-bidang perundangan ini, dan saya hampir2 membatalkan niat saya untuk mengikuti-nya. Tetapi dengan usaha yang gigih, saya dapat mengatasi kesukaran2 itu, hingga-lah saya berjaya."

Sa-terus-nya Dayang Hayati menasihatkan kaum wanita Brunei, khususnya pelajar2 wanita yang ingin melanjutkan pengajian mereka di-luar negeri, supaya tidak takut untuk mengikuti pengajian dalam bidang perundangan dan bidang2 ilmu yang lain. Beliau mengharap agar bilangan wanita yang berijazah akan bertambah bagi mengisi pentadbiran negara.

Menggalakkan

Melalui ayah Dayang Hayati, PELITA di-beritahu bahawa Dayang Hayati ada-lah sa-orang anak yang rajin dan tekun dalam pelajaran-nya, dan tidak payah di-bimbing. Kemajuan2 persekolahan-nya amat menggalakkan terutama sa-kali pelajaran bahasa Inggeris.

Sa-bagai sa-orang ayah yang sudah lama berkeinginan supaya ada di-antara anak-nya berjawa-

tan peguam, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh merasa gembira dan bersyukur atas kejayaan Dyg. Hayati. Dan yang paling menggembirakan-nya ia-lah kemunculan Dyg. Hayati sa-bagai wanita Melayu Brunei yang pertama yang berkelulusan Barrister-at-Law.

Dalam pertemuan singkat dengan PELITA, Pehin O.K.L.W. Dato Paduka Haji Mohd. Salleh menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberi peluang keemasan kepada rakyat bagi melanjutkan pelajaran dan memperlempangkan diri dengan ilmu pengetahuan. Dan ia menasihatkan supaya peluang2 keemasan itu di-gunakan dengan sa-baik2-nya.

Peranan ibu-bapa

"Ibu-bapa memainkan peranan yang penting di-dalam memberikan sumbangan terhadap kemajuan pelajaran anak2 mereka."

"Sa-bahagian besar daripada puncha2 kelemahan anak2 dan pelajar2 timbul kerana kurang-nya perhatian dan galakan serta bimbingan para ibu-bapa terhadap anak2 mereka. Di-sini penting-nya sumbangan moral ibu-bapa terhadap anak2 mereka bagi memastikan kejayaan masing2," jelas Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh.

Golongan Chaubanis sentiasa ambil kesempatan

Dari muka 2

songsang dan sa-bagai-nya yang mana semata2 tujuan-nya ia-lah untuk menghilangkan keperchayaan umat Islam terhadap agama Islam yang mereka anuti itu. Sa-lain dari itu di-sebabkan soal agama Islam pada hari ini merupakan persoalan semasa yang agak panas dan serius lagi sensitif, maka kita dapati ada golongan2 Chaubanis atau golongan ya; sentiasa mengambil kesempatan dengan passport Islam bagi kepentingan2 persendirian mau pun sa-suatu kumpolan di-mana mereka bertopengkan Islam untuk menchapai hasrat dan kepentingan mereka, kemudian apabila sudah terchapai se-

gala apa yang mereka hasratkan maka mereka itu pula yang menjadi musuh Islam.

Sa-benar-nya orang2 yang saperti ini ada-lah di-istilahkan sa-bagai orang2 Haipokrit atau munafik, yang mana sifat keji yang saperti ini tidak harus wujud di-kalangan umat Islam di-negara Brunei Darussalam ini, terutama di-kala mana negara kita sedang menuju ka-arrah kemerdekaan yang berdaulat, kerana sifat atau sikap tidak jujur serta berpura2 itu tidak akan mendatangkan apa2 kemajuan dan perkembangan terhadap apa2 jua pembangunan negara bahkan ia-nya akan merupakan parasait terhadap usaha2 kerajaan

ka-arrah kemajuan dan pembangunan negara.

Di-sini ingin juga saya menyentoh tentang ada-nya golongan2 yang tidak begitu mahir di-dalam soal2 agama terutama yang berkaitan dengan soal2 hukum dan yang mana sepatut-nya hal ini hanya boleh di-bicarakan oleh orang2 yang ahli di-bidang itu, atau di-kenali sa-bagai ulama2, akan tetapi malang-nya ada golongan yang tidak termasuk yang di-istilahkan sa-bagai ulama chuba untuk menghuraikan atau memberikan sa-suatu hukum bagi sa-suatu masa'aluh di-kalangan orang2 awam, yang mana ia-nya sendiri tidak pasti dan yakin ada-kah apa2 yang di-perkatakan-nya itu menepati dengan

ajaran Islam yang sa-benar-nya, kerana ia-nya tidak mempunyai pengetahuan atau ilmu yang chukop di-bidang itu. Se-benar-nya golongan yang saperti ini ada-lah lebeh banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan, baik kepada diri-nya sendiri mau pun kepada orang2 awam kerana ia-nya boleh merosakkan keyakinan dan pegangan orang awam. Oleh itu ada baik-nya segala soal2 keugamaan yang berkaitan dengan soal2 hukum di-serahkan saja kepada alim ulama yang benar2 mahir di-dalam bidang itu, kerana ini juga ada-lah salah satu jalan untuk mempertahankan kesucihan dan kemuliaan agama Islam.



KELIHATAN para pemimpin dan ahli2 Dewan Perniagaan Tiong Hwa, Bandar Seri Begawan ketika mengangkat sumpah dan berikrar untuk melipat-gandakan kegiatan membantu Kerajaan DYMM bagi mencapai perkembangan ekonomi sa-laras dengan objektif sosial dan kebudayaan negeri Brunei.

EMPAT PERKARA PENTING BAGI PENIAGA2 TIONG HWA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat perkara penting yang patut diambil perhatian oleh masyarakat peniaga Tiong Hwa di-Brunei telah dibentangkan oleh Awang Lim Eng Ming, Pengerusi Dewan Perniagaan Tiong Hwa minggu lepas.

Awang Lim Eng Ming di-dalam ucapan-nya di-majlis mengangkat sumpah dan perlantikan ahli2 jawatankuasa baru Dewan Perniagaan China bagi ta-

hun 1980/1982 yang di-adakan di-sini antara lain menekankan peri-mustahak-nya masyarakat Tiong Hwa di-Brunei berusaha untuk melipat-gandakan kegiatan mereka di-dalam membantu Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi mencapai perkembangan ekonomi yang pesat, sa-laras dengan objektif sosial dan kebudayaan negeri ini.

Kata-nya, dalam konteks ini ahli2 dewan perniagaan itu di-ingatkan supaya akan menumpukan perhatian mereka terhadap perkara2 berikut:—

Membantu Negeri Brunei dalam usaha2-nya mempelbagaikan ekonomi supaya Brunei tidak akan sa-mata2 bergantung kepada hasil minyak dan gas sahaja.

Akan menggerakkan jentera permodalan "resources and capabilities" dari dalam atau pun luar negeri ini dalam mempelbagaikan ekonomi-nya sa-laras dengan dasar Kerajaan.

Sa-chepat yang boleh untuk membantu meluas dan memperkembangkan kebolehan anak2 tempatan dalam bidang perusahaan dan perniagaan.

Akan berkerjasama dalam keadaan saling mempercayai dan menghormati antara satu bangsa dengan yang lain, khususnya orang2 Melayu Brunei dalam memulakan atau menubuhkan pengurusan dan pelaksanaan perusahaan dan lain2 projek yang akan mendatangkan manfaat atau keuntungan terhadap negeri ini.

"Perkara ini akan dicapai mengikut objektif jangka waktu yang panjang dalam menubuhkan ahli2 perniagaan tempatan yang berkelibar, mempunyai azam untuk berusaha

dalam mempelbagaikan ekonomi negeri ini," tambah Awg. Lim Eng Ming.

Dengan niat yang ikhlas itu Awang Lim Eng Ming perchaya mereka akan menerima galakan dan bantuan dari Kerajaan sa-bagaimana yang telah di-terima di-masa2 lampau.

Menyentuh kehidupan orang2 Tiong Hwa di-Brunei Awang Lim Eng Ming menyatakan ada-lah wajib bagi mereka menghormati adat resam saudara2 Islam mereka sa-kali pun mereka tidak menganut Ugama Islam.

Mengenai soal2 keamanan, beliau memberitahu yang masyarakat Tiong Hwa telah beruntung kerana dapat menikmati kehidupan dalam sa-buah negeri yang aman dan makmur dan salah satu daripada sumbangan yang dapat di-berikan oleh mereka untuk mengekalkan suasana itu ialah berwaspada supaya menjauhkan diri dari anasir2 yang tidak di-ingini.

Yang berbahagia Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar di-dalam ucapan-nya di-majlis itu mengucapkan tahniah kepada dewan dan ahli2-nya di atas kerjasama mereka dalam melaksanakan berbagai2 projek yang bermanfaat dan beliau berharap kerjasama itu akan di-kekalkan pada masa2 yang akan datang dan di-lipat-gandakan mengikut peredaran dan kehendak2 masa.

Konsul Agong Peranchis lawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Konsul Agong Peranchis di-Hongkong, Monsieur E. Egal telah mengadakan lawatan singkat ka-Brunei sa-lama empat hari dari 7hb. hingga 11hb. Januari yang lalu. Sa-masa berada di-sini, Monsieur Egal telah mengunjungi Tuan Yang Terutama Persurohjaya Tinggi British Awang Arthur Watson serta mengadakan rundingan2 dengan Pegawai2 kanan kerajaan.

Di-samping itu beliau juga sempat mengadakan lawatan2 ka-tempat2 yang menarik antara-nya termasuklah Muzium Brunei di-Jalan Kota Batu pada pagi Sabtu yang lalu dan ka-Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Seria. Beliau telah pulang ka-Hongkong pada hari Ahad lepas.

53 mendapat ijazah, diploma dan sijil dari pengajian tinggi UK.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 53 orang penuntut Brunei yang belajar di-luar negeri melalui biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berjaya mendapat kelulusan dalam berbagai jurusan di-perengkat ijazah, diploma dan sijil.

Dari jumlah itu, sa-orang memperoleh Sarjana Sains, 29 orang mendapat Sarjana Muda, lima orang Diploma, tiga orang sijil pendidekan, 10 orang sijil Setiausaha dan sa-orang mendapat sijil bahagian Data Processing dari berbagai-bagai Universiti, politeknik dan maktab2 di-United Kingdom.

Awang Victor Edger Keasberry memperoleh M.Sc. Clinical Biochemistry; Ak Mashor bin Pengiran Ahmad mendapat B.Sc. Combined Studies in Science (3rd Class Hons); Abdul Kadir bin Tengah — B.Sc. Combined Studies, Applied Science.

Dayang Masnah binte Mudim Haji Bakar—B.Sc. Computer Science and Mathematics; Mat Salleh bin Matussin—B.Sc. Mechanical Engineering Science (2nd Class Lower); Rokiah bte Taha — B.Sc. Modular Mathematics and Statistic (3rd Class Hons). Dayang Linda Chong Poh Hoon — B.Sc. Biology (2nd Class Upper); Dayang Lim Siew Shua — B.Sc. Economic and Accounting (2nd Class Hons); Dayang Seri bte Simpun — B.Sc. Zoology (3rd Class Hons); Dayang Fatimah binte Haji Ali Omar — B.Sc. Combined Science (2nd Class Hons.).

Dk Masrinah bte Pengiran Ahmad — B.Sc. Biology (3rd Class Hons); Dk Hajjah Mastuli binte Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail—B.Sc.;

Dayang Irene Cheong Pah Ah — B.Sc. Chemical Physics with Science Education (2nd Upper Class Hons).

Awang Lim Hong Beng — B.Sc. (Electronic Engineering); Serbini bin Ali — B.Sc. Biochemistry (3rd Lower Class Hons) dan Fatmah bte POK Amar Diraja (Dr) Haji Mohd Jamil — B.Sc. Biochemistry dan Post Graduate Diploma in Health Facility Planning.

Penuntut2 yang memperoleh ijazah Sarjana Muda Sastera ia-lah Awg Abdullah bin Haji Ahmad — B.A. Interior Design (2nd Class Upper); Omar bin Haji Abd Rahman — B.A. (2nd Class Lower); Ak Sallehuddin bin Pengiran Haji Yusof — B.A. Humanities (3rd Class Hons); Bujang bin Haji Masuat — B.A. Humanities (3rd Class Hons).

Dk Rokiah bte Pg Haji Tajuddin — B.A. Sociology (2nd Lower Class Hons); Haji Mohd Nor bin Haji Jeluddin — B.A. Economic (2nd Lower Class Hons); Mohd Arbi bin Haji Abd Hamid — B.A. Economic dan Muhammad Syapud-

din bin Haji Abdullah — B.A. Arts (2nd Lower Class Hons).

Awang Zainal Abidin bin Haji Mohd Gimbar dan Awang Ahmad Ghazali bin Haji Tengah kedua-dua-dua-nya memperoleh ijazah Sarjana dalam bahagian Kemusiaan (B. Humanities 3rd Class Hons) sementara tiga orang lain mendapat ijazah Sarjana Muda Pendidikan (B. Ed), mereka ia-lah Dayang Maikalsum bte Tinggal, Awang Othman bin Simran dan Ak Baharuddin bin Pengiran Yaakob serta Dayang Lim Siew Bee memperoleh Sarjana Philosophy (B. of Philosophy, Education).

Penuntut2 yang memperoleh HND (Higher National Diploma) ia-lah Mohd Tali bin Abdul Rahman (Business Studies); Md Hussein bin Haji Md Hussein (Mechanical Engineering); Hajjah Sarinah bte Haji Umar (Public Administration); Siti Aisah bte Haji Mahmud (Public Administration); dan Dk Fatimah bte Pg Haji Jadid (Computer Studies).

Empat orang penuntut

yang memperoleh Diploma termasuklah Abu Bakar bin Awang Moxsin (Youth and Community Work); Siti Zaleha binte Haji Kaprawi (Graphic Design); Zakaria bin Ibrahim (Interior Design) dan Zani bin Jais (Art and Technique of Film Making).

Malai Mahani binte Malai Mashore, Dk Saliah bte Pg. Ismail, Jamilah bte Abd. Kassim, Hajjah Latifah bte Hj. Tudin, Hajjah Norhayati bte Haji Hassan, Dk. Rokiah bte Pengiran Haji Jadid, Siti Norgayah bte Abas, Noraini bte Haji Abd Rahman @ Noraini Ebert, Aminah bte Abd. Hamid dan Dyg. Chong Toh Chua @ Ching kesemua-nya memperoleh sijil Setiausaha.

Sementara Dayang Halimah binte Haji Abd. Rahman dan Dayang Hajjah binte Haji Nordin memperoleh Sijil Pendidikan (Certificate in Education), Awang Umar Ali bin Abdullah memperoleh Sijil dari Institute of Data Processing dan Dyg. Salmah binte Janda memperoleh sijil Perbidanan (Midwifery, SCM).



JUNTUNAN kereta2 ini (gambar) bergerak perlahan ketika melalui kawasan jalanraya yang di-naiki ayer. Ini-lah salah satu gambaran yang sempat di-ambil oleh jurugambar PELITA ketika mana hujan sering turun tidak berhenti-henti sa-lama beberapa jam dalam musim tengkujuh sejak awal tahun ini. Kawasan rendah yang di-banjiri ayer ini sa-memangnya sering berlaku apabila musim hujan turun. Kawasan ini terletak di-Kampung Sinaut, Daerah Tutong.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 14HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 ANIMAL WORLD
- 5.30 THE NEW SHMOO — "The Return of Dracula"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.35 DR WHO — "The Pirate Planet" episod 2

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — "Perkin's Bombs Out"
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 THE WAR YEARS — "Fall of Berlin"
- 9.50 TAYANGAN GAMBAR TV: "House boat"
- 11.40 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 15HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 TOM AND JERRY
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.35 THE TOMORROW PEOPLE
- MALAM
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BEULAH LAND—Kesah2 pekerja2 satu ladang besar di-Georgia dalam musim Peperangan Saudara (Civil War) Amerika.
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 BEULAH LAND — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 HIDAYAT
- 9.10 DUNIA MINGGU INI
- 9.40 WKRP IN CINCINNATI — "Sparky"
Ingin hendak berbangga-bangga, Carlson menggaji sa-orang manager baseball yang terkemuka, Sparky Anderson untuk mengendalikan ranchangan sokan-nya di-WKRP.
- 10.10 FROM HERE TO ETERNITY
- 11.00 BIG VALLEY — "The Challenge"
Senator Jim Bernard pulang ka-Stockton untuk bertanding sa-mula dalam satu pemilehan. Semua lawan-nya berusaha untuk menumpaskan-nya dengan segala chara yang juga melibatkan Victoria Barkley.
- 11.40 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 16HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SONG BOOK
- 5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE — "Chimpmates" episod 4
- 5.30 KID POWER
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 BIGFOOT AND WILDBOY
- 6.30 THE MUPPETS — "Rober Moore"
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MONTE CARLO SHOW
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 MONTE CARLO SHOW — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 ZAINI DAN GILLEN SHOW
- 9.10 SOAP — Episod ke-empat
Jessica ingin memutuskan perhubungan-nya dengan Peter. Claire berjaya memutuskan perhubungan Chester dengan Pidgeon dan Danny pula hendak mengganyang Burt.
- 9.40 THE GOLDEN CUP
- 11.10 HAWAII FIVE 'O' — "Dealer's Choice Blackmail"
Sa-orang pejudi menyaksikan kematian sa-orang pegawai pulis di-langgar oleh tuan punya sindikit perjudian. Pejudi menggunakan kesempatan itu untuk memeras-ugut ketua sindikit itu.
- 12.00 SIARAN TAMAT.

SABTU - 17HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.55 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE THING
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.33 BEWITCHED — "Samantha's Old Salem Trip"
Bandar Salem kurun ke-17 memang tidak sesuai bagi Samantha dan Darin kalau tidak mempunyai ilmu sihir.
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 BEWITCHED — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FOUNDATION
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 FOUNDATION — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 MARI MEMASAK
- 9.30 IRAMA DAKWAH
- 10.00 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Pat Gulipat"
Antara pelakun2 yang membintangi filem ini ia-lah: A. Hamid Arif, Aedy Moward, H. Mansyur Syah, Atmonadi dan lain2 lagi.
- 11.50 CITIES! "Ellie Wiesel's JERUSALEM"
Pencherita dan penulis agong Yahudi, Ellie Wiesel, akan membawa awda berhijrah ka-Jerusalem, kota yang penoh dengan legenda-nya tersendiri.
- 12.40 SIARAN TAMAT.

AHAD - 18HB JAN.

PAGI

- 8.05 PEMBUKAAN
- 8.10 SIARAN TERUS MENERUS MENYAMBAT MAULUD NABI DARI PADANG BESAR BANDAR SERI BEGAWAN
- 10.10 GAMBUS
- 10.45 SIARAN TAMAT.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 HOW — Saperti biasa siri ranchangan ini akan di-penohi dengan soalan2 dan jawapan2 yang menarek untuk kanak2.
- 5.30 CAPTAIN CAVEMAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 CHILDREN'S FEATURES — "Blinker's Spy Spotter"
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 CHILDREN'S FEATURES — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 THE DUKES OF HAZZARD
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 THE DUKES OF HAZZARD — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 ACHARA KEMUNCHAK SAMBUTAN MAULUD NABI DI-DAERAH2 BRUNEI-MUARA, TUTONG, BELAIT DAN TEMBURONG
- 10.10 TINKER TAILOR SOLDIER SPY
- 11.00 ARMCHAIR THRILLER
- 11.30 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 19HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN
- 5.30 WORZEL GUMMIDGE
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 HERE'S BOOMER
- 6.30 JASON OF STAR COMMAND
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 JASON OF STAR COMMAND — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 VEGAS
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 VEGAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 THE ROAD TO WEMBLEY
- 9.50 LIFE ON EARTH — "The First Forests"
- 10.40 PATROL BOAT — "Rogue Mine"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SELASA - 20HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
- 5.30 THE SHARI SHOW
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 GRANGE HILL
- 6.30 THE JACKSONS
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 THE JACKSONS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOVE BOAT — Phyllis dan Harry Morrison membawa anak lelaki muda mereka berlayar dengan Pacific Princess untuk memutuskan perhubungan-nya dengan Diane Lane yang juga pada ketika itu berada dalam kapal yang sama.
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 LOVE BOAT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 ARENA SOKAN
- 9.10 TAYANGAN GAMBAR — "Magnificent Obsession" MCA
Pelakun2: Jane Wyman, Rock Hudson, Barbara Rush, Agnes Moorehead
- 11.10 BILLY BIAR
- 11.40 SIARAN TAMAT.



INI-LAH "SHMOO" yang telah menukarkan diri-nya kapada bermacam2 bentok dan membolehkan-nya menolong sa-kumpulan penyiasat2 belasan tahun dalam siri animasi 'The New Shmoos' sa-tiap hari Rabu jam 5.30 petang.

MUTIKA '81 PESERTA2 SUKU AKHIR

PERTANDINGAN 'MUTIKA 1981' perengkat suku akhir ranchangan pertama telah pun di-siarkan melalui radio pada hari Ahad 11hb Januari, 1981, di-mana sa-ramai lapan orang peserta telah pun bertanding. Mereka terdiri daripada :



Md Tahir Haji Matassim (29)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Nasib Diri Ku'



Dk Kamsiah Pg Maharic (20)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Peristiwa Di-Bulan
Nobember'



Abdullah Pungut (18)
Peserta Daerah Temburong
Lagu : 'Kenangan Lalu'



Ak Ismail Pg Ibrahim (19)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Aku Rela'



Sa'diah Haji Ghazalie (23)
Peserta Daerah Tutong
Lagu : 'Sa-Pasang Mata Hati'



Ak Othman Pg Hj Serudin (26)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Mimpi Di-Siang Hari'



Kalsum Ali (19)
Peserta Daerah Belait
Lagu : 'Patwa Pujangga'



Muhammad Md Salleh (27)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Biar-lah Ku Sendiri'

Pada keluaran minggu ini dalam ranchangan kedua siri MUTIKA pertandingan perengkat suku akhir siaran pada hari Ahad 18hb Januari, 1981, sa-ramai lapan orang peserta lagi akan bertanding. Mereka ia-lah.



Ak Zainal Abidin Pg Puteh (21)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Aku Dan Dunia Ku'



Murni Mohamad (22)
Peserta Daerah Tutong
Lagu : 'Pesan Ku'



Mohamed Karim (28)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Hanya Di-Malam Ini'



Dk Faridah Pg Damit (19)
Peserta Daerah Belait
Lagu : 'Ayer Mata Duka'



Musa Mohd Daud (22)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Chinta Tak Seindah
Yang Di-Uchap'



Ak Metussien Pg Haji
Serudin (25)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Pelamboyen'



Mariam Haji Ali (25)
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu : 'Rintihan'

Peserta ke-8 Omarali Haji Md Husain (24) tidak hadir sesama pertandingan di-adakan.

Ikuti-lah ranchangan kedua MUTIKA 1981 pada hari Ahad 18hb Januari 1981 pada jam 2.00 petang melalui siaran Radio Brunei.



BORANG MENYERTAI

PERKHIDMATAN Bahagian Melayu, pelawa peminat2 seni suara di-tanah air SEMBAHAN KU. Untuk memasoki mohonan untuk menyertai-nya : —

Nama Penoh :

Tarikh Lahir :

Alamat :

Talipon Rumah :

Nombor Kad Pengenalan :

Pernah menyanyi/belum pernah
Pernah menyertai Peraduan Nyanyian/
Alat2 muzik yang boleh di-main : —

Tarikh :

Alamatkan surat2 A

Penerbit Persembahan Ku,
Bahagian Melayu,
Radio Talivishen Brunei,
Brunei.



WANITA sekarang tidak kira tua atau saperti gambar di-atas penerbit ranchangan telah berkunjung ka-Kampong Kianggeh bte Ahmad sa-orang dari suri rumah tangai buat keropok, abun daging, dan membuat dalam ranchangan dunia wanita di-siarkan ulangan-nya pada hari Selasa jam 9.00



TAPAK di-mana bangunan ini akan di-dirikan.

Komplek membeli-belah terbesar di-Belaait

KUALA BELAIT.—Belaait akan mempunyai sa-buah lagi kompleks membeli-belah yang moden apabila kerja2 pembinaan ka-atas-nya selesai menjelang awal atau akhir tahun hadapan.

Kerja2 pembersehan ka-atas kawasan di-mana bangunan ini akan di-dirikan telah pun selesai dan para pekerja kini mula beraleh di-dalam membuat kegiatan awal pembinaan kompleks yang terletak di-Jalan Setia Diraja di-sini.

Bangunan itu, menurut Awang Francis Law Fah Ngin, juruchakap kepada Awang Kechil Lau Hong

Siong peniaga yang mendirikan projek tersebut, akan menempatkan sa-banyak 23 buah kedai yang juga termasuk tempat pameran dan menjual kereta, bank2 dan beberapa buah restoran. Ia-nya akan di-lengkapkan dengan tempat2 meletak kereta bagi pelanggan2 yang berkhidmat di-situ.

"Projek ini di-jangka menelan belanja dari lima hingga enam juta ringgit dan pemborong yang melaksanakan pembinaannya ia-lah Sharikat Lee Yiu Lam," kata Awang Law.

Bangunan ini apabila siap nanti ada-lah merupa-

kan bangunan yang terbesar pernah di-dirikan oleh sa-buah firma per-sendirian di-daerah ini.

Awg Kechil Lau Hong Siong ia-lah sa-orang pemborong pengangkutan kepada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan pengarah urusan bagi Sharikat Pengangkutan Belait Bersatu Berhad.

P'daftar Mahkamah Tinggi yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Kehakiman, Brunei hari Rabu lalu telah mengalu-alukan kedatangan ketua pendaftar Mahkamah Tinggi yang baru, Awang Mohammad Ali bin Salleh, bekas pemangku peguamchara negara.

Awang Mohammad Ali yang telah di-lantik pada hari Selasa 6hb Januari itu menggantikan Dato Charlie Foo Chee Tong yang telah menamatkan perkhidmatan.

Dan sa-bagai menyambut ketua pendaftar yang baru itu, satu majlis rangkas telah di-adakan di-Jabatan Kehakiman di-sini dalam mana ucapan2 tahniah telah di-sampaikan.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Penasehat Undang2 Kanan, Awang Abbas bin Haji Serudin yang juga sa-laku wakil Peguam Negara.

Jalani kursus penempatan di-Dewan Raayat London

BANDAR SERI BEGAWAN.—Awang Abdul Rahman bin Abdul Kani, Pemangku Timbalan Jurutulis, Majlis Mashuarat Negeri sejak 6hb Jun, 1979 telah pulang ka-Brunei pada 22hb. Disember sa-lepas menjalani kursus penempatan di-Dewan Raayat (House of Commons), London sa-lama kira2 satu bulan sa-tengah.

Sa-masa berada di-sana, beliau telah di-tempatkan di-beberapa bahagian antara-nya termasuk-lah Pejabat Jurutulis (Table Office) di-mana di-bahagian ini dia sempat memerhatikan dan bertanya mengenai penerimaan soal-an2 mulut (oral question) dan soal-an2 bertulis (written question) dan memerhatikan Perintah2 Tetap



Awg Abdul Rahman.

Mashuarat (Standing Orders) bagi mengawal perjalanan penerimaan soal-an2 tersebut.

Di-bahagian Pejabat Jernal (Journal Office)

pula, beliau sempat memerhatikan atchara persediaan membuat jernal, pengundian dan tata-persidangan (proceedings). Di-samping itu dia juga di-beri maklumat mengenai dengan rayuan2 (petitions) dan lain2.

Sa-lain dari tempat2 itu, Awg Abdul Rahman juga telah di-tempatkan di-bahagian Pejabat Awam Rang Undang2 (Public Office Bills) dan di-beri kesempatan melihat chara2 pengundian (ballot).

Dan untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang kerja2 majlis mashuarat, beliau telah berkesempatan melawat Audio-Broadcasting, Khutub Khanah Bentara Dewan, Pentadbiran dan Pejabat Jawatankuasa (Committee Office).

Harga Barang2 Keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama2 dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut :—

Sterilised Milk	170 g	.85	Everyday Inst	1 kg	\$7.50
Sterilised Milk	400/433 g	\$1.50	Everyday Inst	2 kg	\$14.05
Nestle Cream	170 g	\$1.40	Everyday Std	500 g	\$3.35
Nesco	450 g	\$4.00	Everyday Std	1 kg	\$6.40
Nestle Chocolates	37 g	.65	Everyday Std	2 kg	\$11.95
Milkmaid 8% 3CM	397 g	\$1.00	Nan	500 g	\$7.40
Nespray Instant	500 g	\$4.90	Nan	1 kg	\$13.75
Nespray Instant	1 kg	\$9.10	Evaporated Milk :		
Nespray Instant	2.5 kg	\$20.95	Ideal	410 g	.95
Nespray Std	1 kg	\$6.95	Alpine	410 g	.90
Nespray Std	2 kg	\$13.00	Gold Fan Filled	410 g	.85
Everyday Inst	500 g	\$4.10	Nestle Milk Plain	1 liter	\$1.45

Orang ramai ada-lah di-harapkan memberikan kerjasama atau melaporkan kepada pehak yang berkenaan talipon No. 25555 Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 kedai yang tidak mengikut harga2 yang di-sebutkan di-atas atau segala jenis barang2 keperluan yang lain bagi penyiasatan sa-lanjut-nya.

HARGA DAGING

AYAM NAIK

ADA-LAH di-maklumkan kepada orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga telah bersetuju untuk menaikkan harga daging ayam sa-banyak 20 sen saperti berikut mulai 8hb Januari, 1981.

Daging ayam harga runchit sa-kati \$3.60 (lama) dan \$3.80 (baru).

Kenaikan harga tersebut ada-lah atas permintaan dari penternak2/pengjual2 ayam di-negeri ini oleh kerana memandangkan harga2 makanan ayam telah naik di-sebabkan faktor2 yang tertentu yang mana tidak dapat di-elakkan oleh pasaran dunia pada masa ini.

Pegawai Ugama berkursus ka-luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN.—Lima orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah berlepas keluar negeri untuk mengikuti kursus latehan dalam perkhidmatan di-berbagai tempat yang berasingan.

Mereka itu ia-lah Awg. Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Pegawai Ugama Kanan, telah bertolak ka-Republik Arab Mesir pada 6hb Januari, 1981 kerana mengikuti kursus dalam bidang Fatwa bertempat di-Pejabat Mufti di-Republik tersebut sa-lama kira2 satu tahun.

Awang Haji Mohd. Mu-



Awang Haji Mohd Murad bin Abang Ali.

rad bin Abang Ali, Pemangku Penguasa Penerangan dan Tabligh, telah bertolak ka-London pada

4hb Januari, 1981 kerana mengikuti kursus dalam perhubungan awam bertempat di-Central Office Of Information London sa-lama tiga bulan.

Pengiran Hajjah Salmah bte Pengiran Haji Ismail, Nadzir Sekolah Ugama (Bahagian Dewasa), Awg. Musa bin Mantok dan Awang Abdullah bin Md. Daud, kedua-dua-nya Guru Ugama Tingkatan Khas, telah bertolak ka-Republik Singapura pada 7hb Januari, 1981 kerana mengikuti kursus dalam bidang kenadziran di-Kementerian Pelajaran Singapura sa-lama tiga bu-

lan.

Kesemua kursus kedua2 orang pegawai tersebut akan bermula dalam bulan Januari ini.

RALAT

DERMA sa-banyak \$1,000 dari Ahli2 Mess Pegawai dan Sarjan Chawangan Udara dan RHQ, yang di-sampaikan kepada Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris pada 3hb Januari lalu, ada-lah untuk Tabong Derma Anak2 Yatim Negeri Brunei dan bukan-nya untuk Tabong Derma Anak2 Yatim Dacrah Brunei-Muara, saperti yang tersiar di-ruang tiga muka lima Pelita Brunei minggu lalu.

15 lulus Sijil Pelajaran Ugama Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit menchatetkan keputusan yang paling baik di-dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei tahun lalu dengan pencapaian saratus peratus lulus.

Chalun2 yang menduduki peperiksaan yang sama daripada Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah memperoleh 85.7 peratus dengan satu daripada tujuh orang chalun kandas.

Berikut ia-lah keputusan penoh para chalun yang menduduki peperiksaan tersebut.

Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit :

Dayang Chuchu binte Kassim (3), Dayang Sari-mah binte Ahmad (1), Fatimah binte Ahmad (1), Hajjah binte Moktal (1), Kasmah binte Hashim (3), Kulam binte Embran (1), Saipah binte Haji Tuah (3), Zakiah binte Taib (3), dan Zaidah binte Haji Ismail (1).

Gambar2 berzikir di-sana sini sempena



YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali (kiri) tetamu kehormat yang membuka rasmi majlis berzikir sempena menyambut perayaan Maulud junjongan kita di-ibu negeri baru2 ini ketika mengalunkan 'assalai' bersama-sama jemputan lain di-majlis tersebut.


SEMPENA menyambut perayaan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun ini yang akan di-langsungkan sa-rentak di-semua daerah negeri ini pada hari Ahad, 18hb Januari, seperti lazimnya umat Islam awal2 lagi telah membuka langkah mengadakan majlis2 berzikir di-masjid2 dan surau2 yang berdekatan sa-bagai tanda mengalu-ngalukan kedatangan hari agong itu.

Merayakan sa-chara besar-besaran hari Maulud itu sumpama mengadakan perhimpunan dan perbarisan rak-saksa sambil mengalunkan sa-lawat ka-atas junjongan kita, majlis zikir Maulud begitu mensabatkan keimanan umat Islam di-negeri ini tidak kira

yang tua apa-tah lagi muda untok sama2 berzikir di-masjid2 dan surau2 mengalunkan lagu2 zikir yang lurohan-nya menchern kechintaan dan kepujian ka-atas junjongan.

Sambutan Maulud yang tema MEMPERTA-KAN KESUCHIAN IS-tahun ini dengan tegas ajak umat Islam yang aku diri-nya Islam sama2 berdiri tegak menentang sa-barang bentuk cheroba kejahatan yang leh menghancurkan menchemarkan ketulinan an Islam itu sendiri, seperti yang sedia di-ma sejak akhir2 ini telah gejala2 perosak yang memesongkan ketulinan

... Berzikir




SA-BAHAGIAN dari umat Islam yang menghadiri perasmian memulakan majlis berzikir sempena menyambut Maulud yang telah di-adakan di-Masjid Omar Ali Saifuddin ibu negeri.



BULAT ayer kerana pembetong—mulat manusia kerana muafak ini dalam mengalunkan bersama zikir sempena menyambut hari

...di-Masjid Setia Ali Muara



... Ber

DAN mereka ini juga khuso' mengalunkan lagu2 zikir di-majlis berzikir menyambut Maulud yang di-adakan di-Masjid Setia Ali, Muara.

SA-BUAH lagu, satu rentak dan kan suara untok hiburan tontonan masjid Kampung Sengkuring.

Memperingati keputeraan Junjongan kita

TERLEBEH dahulu kita berseru kepada para jemaah sekalian supaya tuan2 bertakwa kepada Allah dengan sa-benar2 takwa, kerana orang yang paling mulia di-sisi Allah 'Azal Wajala ia-lah orang yang paling bertakwa kepada-Nya, sa-bagaimana firman Allah dalam Kor'an yang bermaksud: Sa-sungguh-nya orang yang paling mulia di-sisi Allah ia-lah orang yang paling bertakwa.

Pada hari ini kita sudah memasuki suatu bulan yang penting dalam sejarah Islam dan juga sejarah kaum muslimin, iaitu menjelang-nya bulan Rabbil Awwal dalam mana Nabi Muhammad s.a.w. telah di-puterakan kira2 lima puluh tiga tahun sa-belum hijrah.

Sudah menjadi kebiasaan umat Islam sejak zaman perang salib satiap bulan Rabbil Awwal, memperingati akan keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. sa-kali pun baginda sendiri tidak pernah melakukan atau memerintahkan-nya, sebab itu tidak pernah berlaku oleh para sahabat dan tabieen. Tetapi umat Islam yang termasuk golongan Muta'hirin, termasuklah umat Islam di zaman ini merasa perlu memperingati-nya untuk lebih mengenal akan Rasulullah s.a.w. dan ajaran2 Baginda, untuk diambil chontoh tauladan dan pengajaran serta memperteguhkan lagi iman dan takwa supaya menjadi orang Islam yang baik.

Untuk menilai keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. agar kita dapat membangunkan-nya dengan kelahiran orang2 besar dan penting lain-nya di-dunia ini dari dahulu hingga sekarang, kita rasa perlu menerangkan serba sedikit keadaan sa-belum dan sesudah Baginda di-puterakan baik di-tanah Arab mahu pun di-mana saja di-muka bumi ini.

Allah menerangkan di-dalam Kor'an bahawa keadaan dunia sa-belum keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. ada-lah dalam kegelapan dan kerosakan-kerosakan. Di-antara yang paling gelap dan rosak itu ia-lah tanah Arab dan bangsa Arab.

Tanah Arab yang mempunyai iklim di-musim panas-terlalu panas dan di-musim sejok terlalu sejok, siang dan malam berbeza panjang, hujan turun sa-kali sa-kala dalam sa-tahun, maka seluruh tanah Arab itu menjadi gunung batu yang amat keras, dan di-antara gunung2 batu itu terbentang di-dataran tinggi atau rendah yang terdiri dari padang pasir yang tandus yang di-sa-tengah-nya hanya terdapat beberapa sumber ayer dan



rumput2.

Kerana panas dan tak punya sumber penghidupan, maka para penduduk-nya miskin lagi miskin melarat, dan akibat-nya makin rosak akhlak masharakat-nya. Bangsa Arab menjadi bangsa yang keras kepala, sukar di-pimpin atau di-aturnya, menjadi kasar, selalu terjadi perkelahian dan peperangan antara satu puak dengan puak yang lain. Begitu hebat kerosakan masharakat Arab itu sampai Allah Ta'ala telah menerangkan di-dalam Kor'an, firman-Nya yang bermaksud: Sa-kira-nya engkau (wahai Muhammad) belanjakan seluruh kekayaan di-permukaan bumi (untuk merubah mereka), nescaya engkau tidak akan dapat merubah-nya, tetapi Allah dapat merubah-nya serta mempersatukan hati mereka, kerana Allah maha perkasa lagi maha bijaksana.

Bagaimana chara-nya Allah merubah watak bangsa Arab itu, sa-hingga menjadi bersatu-padu, dari keras menjadi patoh dan tundok menurut petunjuk dan pimpinan, ia-lah dengan chara mengutus Nabi Muhammad s.a.w. Jilahirkan dari kalangan mereka, dari golongan keluarga yang berbangsa tinggi. Dari sejak kecil lagi Baginda sudah dikenali sa-bagai manusia yang mempunyai akhlak yang terpuji dan tempat menaruh kepercayaan dari kalangan masharakat Arab.

Dalam usia Baginda 40 tahun Baginda telah di-lantek dan di-utus oleh Allah menjadi Rasul untuk menyampaikan ajaran2 Allah Ta'ala di-kalangan kaum-nya.

Dakwah Islamiah itu disampaikan Baginda dengan penoh berani, tabah dan sabar yang payah di-chari bandingan-nya dalam sejarah. Yang mana dalam jangka waktu 12 tahun Baginda menjalankan dakwah itu reaksi dan tentangan kaum-nya samakin hebat sa-hingga Baginda tidak merasa aman lagi yang mana akhir-nya Baginda dan para sahabat lalu berpindah dari negeri Mekah ka-Madinah yang mana di-Madinah ajaran Baginda mendapat sambutan yang sangat baik.

Jumlah pengikut Baginda bertambah ramai, timbul perang demi perang, kerana bangsa Quraisy menyerang mereka sampai ka-Madinah. Dalam peperangan2 itu Baginda dan pengikut2 Baginda beroleh kemenangan. Akhir-nya seluruh tanah Arab menjadi pengikut Baginda yang setia.

Berubahlah keadaan bangsa Arab dengan perubahan yang sa-hebat2-nya. Mereka menjadi manusia yang beriman dan beramal saleh. Mereka dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Berubah itikad dan kepercayaan mereka, sekalian-nya menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa.

Berubah akhlak dan watak mereka menjadi manusia yang sangat halus perasaan, pemurah, suka menolong, suka berbuat kebajikan dan benchi membuat kejahatan. Hilang segala permusuhan, mereka hidup berkeseh sayang, bersatu-padu dan tolong-menolong, yang mana telah mendapat pujian daripada Allah Ta'ala seperti firman-Nya yang bermaksud: Ada-lah kamu sa-baik2 umat yang di-keluarkan di-kalangan umat manusia, kamu suka berbuat dan menyuruh melakukan kebaikan dan kamu suka menjauhi serta melarang melakukan kejahatan serta kamu beriman kepada Allah.

Kejayaan Rasulullah s.a.w. menyampaikan dakwah Islamiah dan memimpin bangsa Arab serta merubah watak dan akhlak mereka sesuai dengan kehendak2 Islam itu ada-lah satu kejayaan yang tiada tolak banding-nya dalam sejarah. Umat manusia yang telah membawa rahmat untuk sekalian alam.

Maka dengan menjelang-nya bulan Rabbil Awwal ini di-mana kita umat Islam di-Brunei tiada ketinggalan mengadakan berbagai-bagai bentuk sambutan bagi memperingati Hari Keputeraan junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. mari-lah kita banyak2 mengucapkan selawat serta salam ka-atas Baginda, sekalian kaum keluarga Baginda, sahabat2 dan pengikut2 Baginda sambong-bersambong sampai ka-akhir zaman.

Dan mari-lah kita tanamkan rasa kasch-sayang kepada Baginda serta mengamalkan apa2 jua yang di-suruh-nya dan menjauhi apa2 jua yang di-larang, dengan demikian baharu-lah akan besar erti-nya kita mengadakan sambutan2 tersebut.

Memelok Ugama Islam

KAMPONG BATU MARANG. — Satu majlis peng-Islaman bagi sa-orang puak Iban, Edmund Gerna anak Lanjat, 22 tahun berasal dari Sarawak, telah di-langsungkan pada 24hb Disember, 1980 bertempat di-rumah Awang Ali bin Timbang di-Kampung Batu Marang, Brunei.

Beliau di-kenali sekarang dengan nama Islam-nya sa-bagai Awang Deman bin Abdullah. Ia telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin. Turut menghadiri majlis peng-Islaman itu ia-lah beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Sementara itu majlis peng-Islaman telah juga berlangsung baru2 ini di-rumah Pengiran Ahmad bin Pengiran Burut di-Kampung Bukit Pantai, Jalan Jerudong.

Majlis tersebut ada-lah bagi sa-orang gadis Dusun, Misin bte Binchin berumur 21 tahun, berasal dari Kampung Sungai Damit Ukong dan sekarang sedang menuntut dalam tahun tiga di-Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Gadong.

Dia sekarang di-kenali dengan nama Islam-nya sa-bagai Dayang Noorashikin bte Abdullah Binchin sa-telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan YDM Pehin Tuan Imam Dato Setia Haji Mohammad Tamin bin Abdul Hamid (gambar bawah).



GAMBAR atas kiri Dayang Norashikin dan kanan Awang Deman ketika melafadzkan ikrar Islam masing2.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14hb Januari, 1981 hingga ka-hari Selasa 20hb Januari, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
14hb Jan		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
15hb Jan		12.35	3.55	6.31	7.43	5.01	5.16	6.33
16hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35
17hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35
18hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35
19hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35
20hb Jan		12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Perbuatan maksiat

KITA mungkin telah mengenali apa-kah itu maksiat? dan apa-kah akibat-nya apabila perbuatan maksiat itu di-lakukan? Untuk pengetahuan kita, bahawa hasil daripada melakukan perbuatan maksiat itu ada-lah kehancoran budi pekerti, kerugian, keretakan rumah-tangga, perkelahian dan berbagai-bagai macham lagi hasil yang kurang menyenangkan terhadap orang2 yang melakukan perbuatan2 maksiat.

Sa-bagai mana yang telah kita ketahui, perbuatan2 maksiat itu ada-lah saperti meminimum minuman keras, berjudi, melakukan perzinahan, makan dadah dan berbagai-bagai lagi jenis perbuatan yang bertentangan dengan hukum2 Allah serta tuntutan keadilan. Kalau-lah kita fikirkan dengan sa-halus-halus-nya dengan fikiran kita yang waras lagi teliti, perbuatan tersebut hanya-lah sa-mata-mata meng-hampirkan lagi si-pelaku-nya ka-pintu neraka jahannam bagi pembelaan sek-sa atas apa yang mereka lakukan.

Sa-benar-nya ada-lah perlu kita sedari yang perbuatan maksiat itu tidak lebih hanya-lah sa-mata2 pujokan manis daripada shaitan yang di-rejam, kerana shaitan telah berjanji untuk menyesatkan semua Bani Adam dengan jalan memujuk rayu mereka yang mana mereka itu akan menjadi teman-nya kelak memasuki neraka jahanam di-hari pembalasan nanti. Begitu-lah sa-bagaimana janji2 shaitan untuk membalas dendam terhadap Nabi Adam yang menyebabkan-nya terhalau keluar daripada shor-ga.

Jadi sa-bagai sa-orang manusia yang mempunyai akal fikiran yang waras yang di-korbankan oleh

Bingkisan minggu ini

Allah s.w.t., maka patut-lah kita menimbang akan kerugian dan akibat yang di-datangkan oleh perbuatan maksiat yang tidak ada mendatangkan keuntungan, itu. Sa-bagai chontoh sa-orang peminum arak mithal-nya, tentu-lah kita mahu apa-kah akibat-nya sa-telah dia mabok, bukan-kah lakukan-nya tak ubah saperti haiwan? dia tidak lagi tahu akan diri-nya, dia lupa apa-kah perkara yang mungkin berlaku ka-atas diri-nya. Dari sini dapat-lah kita mengambil kesimpulan bahawa perbuatan maksiat itu hanya-lah sa-mata2 untuk merugikan manusia di-muka bumi Tuhan ini.

Dari itu untuk kebersehan dan kesuchian jiwa raga kita mustahak-lah kita sentiasa memerhatikan jalan yang benar ia-itu jalan yang di-redhai oleh Allah s.w.t., kerana Allah sentiasa membuka pintu taubat kepada makhluk-Nya yang sadar akan kelalaian-nya dan sa-tiap manusia yang bersujud kepada Allah s.w.t., mungkin akan mendapat shafa-at daripada Rasulullah s.a.w. di-hari akhirat nanti. Dan sa-bagai umat Islam yang sentiasa patoh akan perintah Allah, mari-lah kita sama2 sentiasa mengingati Allah agar Allah akan sentiasa mengingati kita dan memberkati akan segala daya usaha kita untuk hidup di-atas muka bumi ini.

TARI menari itu adalah salah satu chara musoh Islam memikat pemuda2 Islam keluar dari Ugama Islam dengan menghidangkan kepada mereka pemudi2 yang jelita rupawan menjadi teman dan kehendak.

Chara musoh Islam itu menjalankan jarum didalam berbagai-bagai lapangan telah di-terangkan dalam kitab2, buku2, dan akhbar2, untuk menjadi pengetahuan umat Islam. Dengan yang demikian dapat-lah mereka berjaga-jaga dari taktik dan hasutan musoh2 Islam itu, seperti kitab At-Tabshir Wal-Isti'mar Fil-Biladil-Arabiah oleh Dr. Umar Perukh dan Dr. Mustapa Al-Hadi (Beirut).

MENCHARI KESERONOKAN

Sa-lain itu tari menari juga ada-lah merupakan suatu adat yang di-bawa oleh orang2 Eropah kasa-belah sini. Di-negeri2 barat ada kumpulan yang memperniagakan perempuan yang di-namakan "hamba puteh" untuk menchari keuntongan dan keseronokan nafsu shawat.

Dalam kitab Al-Islam Wal-Hadharah Al-Arabiah oleh Muhammad Kurdi Ali Menteri Pelajaran Surya (yang meninggal pada tahun 1372 H. di-Damshik Surya): "Bahawa orang2 barat telah sangat melampau membiarkan perempuan terdedah sa-hingga sukar benar mereka itu hendak di-pelihara dan di-elakkan dari perkara yang membangkitkan shawat, dan sukar menjaga sifat malu sopan santun wanita."

Kata-nya lagi: "Orang Eropah terbahagi kepada tiga peringkat, peringkat rendah hanya tahu menulis, membaca dan sedikit pengetahuan permulaan, perangai mereka sangat2 burok dan keji dari perangai orang kita, sementara peringkat atasan pula, mendapat banyak asohan praktikal, tetapi suka terpengaruh dengan chara hidup mewah dan melapangkan kerja (tidak bekerja) dengan yang demikian mereka chenderong kepada shawat.

Fadhilat Ash-Sheikh
Mustafa Al-Hammami

PERKARA TARI MENARI (II)

Siri ke-62

(yang meninggal pada tahun 1368 H. di-Masir) mengatakan dalam kitab-nya An-Nahdhatul-Islahiah Lil-Ustratil-Islamiah berkenaan perkara majlis tari menari, begini kata-nya:

"Penari2 itu biasa-nya memberi kesan kepada para hadirin dan hadirat, ia-itu kesan yang mana membawa kesedapan dan kelazatan tuboh-badan, sa-hingga boleh membawa mereka kepada suatu keadaan yang mewajibkan mandi, dapat-lah di-bayangkan kedua-dua pemuda-pemudi itu menari ranchak berapat-rapat perut, rapat punggung, sa-lama mana yang dikehendaki oleh kedua-nya."

TARIAN LUCHAH

Kata-nya: "Saya sangka tari menari Eropah itu tiada begitu luchah dan lachur, sa-hingga saya berjumpa sa-orang pemuda yang biasa pergi ka-tempat menari itu, dan bertanya kapada-nya baharu-lah saya faham bahawa anggapannya saya yang mula2 itu ada-lah meleset."

Ahli tarikh Islam Al-Allamah Ibnu Khaldun (yang meninggal pada tahun 808 H.) dalam pendahuluan kitab tarikh-nya mengatakan:

"Bangsa yang kalah, suka benar meniru bangsa yang menang di-dalam banyak bidang hidup-nya, di-dalam pakaian, fikiran, dan lain2 hal ehwal adat resam, kerana manusia itu selalu beritkad dan memandang bahawa kesempurnaan itu ada pada bangsa yang menang, sama ada ia memandang bangsa yang menang itu telah sempurna, dengan sebab itu ia memulikan-nya, atau ia memandang bahawa kekalahan dan ke-

lemahan-nya itu bukan sebab kelemahan diri-nya sendiri bahkan di-sebabkan kesempurnaan bangsa yang menang itu. Apabila ada perasaan seperti itu maka hancur-lah segala sifat2 yang baik daripada diri-nya lalu bertukar dengan sifat bangsa yang menang itu. Ini-lah yang di-namakan sifat meniru (taklid) (demikian pendapat Ibnu Khaldun).

MEMELIHARA KESUCHIAN ISLAM

Dasar Islam ia-lah memelihara dan mempertahankan ugama dari ditambah, di-pinda2 dan di-pesongkan, memelihara nasab (keturunan) dari di-champur-adokkan, memelihara akal dari benchana ganja, morfin, heroin, chandu, tuak, arak dan segala yang merosak dan membinasakan-nya. Juga memelihara harta dari di-makan dengan chara batal yang tiada diluluskan shara', dan memelihara nama baik dari di-tudoh (di-tuhmah) dan dari di-chachatkan.

Allah Ta'ala berfirman dalam surah Al-A'raf ayat 32:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَلَا الْأَنْثَىٰ وَابْنِي بِغَيْرِ الْحَقِّ وَإِن تَشْكُرُوا بِاللَّهِ لَمَ يَنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا وَإِن تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ .

Tafsir-nya: Kata oleh-mu (Ya Rasulullah), sa-nya Tuhan-ku telah mengharamkan segala Fahishah (dosa2 besar seperti zina) yang nyata dan yang sulit,

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

dan lain2 dosa, dan aniaya ka-atas manusia dengan tiada kebenaran shara', dan menyekutukan Allah dan kamu membohongkan Allah Ta'ala dengan perkataan bahawa Allah menyuruh membuat ini dan itu pada hal perkataan kamu ada-lah rekaan samata. (Begitu-lah menurut Ahli Tafsir).

AMARAN2 RASULULLAH

Rasulullah s.a.w. telah memberi amaran kepada manusia umom-nya dan kepada umat Islam khusus-nya bahawa Allah Ta'ala akan menurunkan azab dan bala benchana jika sa-suatu umat itu tenggelam dalam kemungkaran dan maksiat.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang erti-nya: Sa-tengah dari tanda Hari Kiamat bahawa di-angkat (di-lenyapkan) ilmu ugama dengan mati ulama, dan nyata kejahilan dalam ugama, di-sebabkan orang Islam tiada mahu belajar ugama sa-belum ulama2 itu pergi, dan banyak arak di-minum oleh umat Islam di sana-sini, dan timbul zina dan lachur di-merata-rata tempat.

Menurut riwayat Al-Imam Ahmad dengan Sanad Hassan, sabda Rasulullah s.a.w. yang erti-nya: Sentiasa umat saya di-dalam kebajikan sa-lagi tiada nyata pada masharakat mereka perbuatan zina, maka apabila nyata pada mereka zina, maka hampir2 Allah akan meratakan mereka dengan suatu azab (yang dahshat).

Menurut riwayat Al-Imam Abu Ya'ala, sabda Rasulullah s.a.w. yang erti-nya: Sentiasa-lah umat saya dalam keadaan

baik bersatu-padu, sa-lagi tiada nyata pada mereka anak zina.

Menurut riwayat Al-Imam Abu Ya'ala dengan Sanad Hassan sabda Rasulullah s.a.w. erti-nya: Apabila nyata pada sa-suatu kaum itu zina dan riba' maka mereka telah mendedahkan diri mereka sendiri kepada azab Allah.

Dalam suatu Hadith yang lain pula bermaksud: Di-suatu masa nanti akan timbul suatu kumpulan daripada umat Islam berkumpul di-malam hari dengan mengadakan jamuan makan, minum (minum arak), permainan, dan hiboran, maka tiba2 pagi2 mereka telah di-tukarkan rupa menjadi kera dan babi, dan mereka akan di-sedut oleh bumi untuk menerima azab Allah, sa-hingga orang pada pagi hari berkata: "Malam sa-malam kampung si-polan telah di-sedut oleh bumi," dan "malam sa-malam rumah pelayan yang terkenal telah di-sedut oleh bumi." (demikian di-petik dari Az-Zawajir oleh Al-Imam Ibnu Hajar yang terkenal itu).

KESIMPULAN

Rengkasannya: tarian atau tari menari yang ada lintang lintok dan lenggang-lenggok seperti kelakuan perempuan itu adalah haram dalam shara' Islam sama ada yang melakukan itu laki2 atau perempuan sa-bagaimana yang tersebut dalam kitab Al-Minhaj karangan Al-Imam An-Nawawi, dan tari menari atau tarian apa jua jenis-nya, yang berchampur adok perempuan dengan laki2 yang halal nikah ada-lah haram dan dayus (melakukan dosa besar).

WALLAHU A'ALAM.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w.

di-kalangan umat Islam ini.

Majlis zikir Maulud yang akan pada malam hari awal minggu ini nyata dapat memberi jawapan kepada seruan untuk memperkakan kesucian Islam itu apabila sambutan memamakan majlis2 tersebut bukannya di-hadiri oleh orang tua yang menjadi kepimpinan keagamaan malah golongan muda ketinggalan untuk dilatih mengasah membiasakan mengamalkan ibadah amalan yang sa-wajar di-anjorkan oleh Islam.

penyertaan yang ke- ini-lah kita harapkan sambutan yang di-an- itu terus tidak akan

sunyi hanya tinggal sa-bagai tema saja, malah kita harapkan ia-nya akan terus menjadi tapak dan teras kekuatan dan keutuhan umat Islam di-negeri kita yang Darussalam sampai bila2 masa jua dengan mengamalkan ajaran tulen Islam yang di-redhai oleh Allah s.w.t.

Maka dengan itu tidak rugi rasa-nya kita, terutama yang menjadi indong menurunkan ajaran Islam itu kepada jenerasi muda untuk di-tinggal-kan sa-bagai waritahan setelah menutup mata, kerana di-belakang telah ada barisan mempertahankan dan mendaulatkan kesucian ajaran Islam yang di-bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. di-negeri kita ini.

Masjid Bunut



dengan keadaan kebulatan dan kemuafakatan umat Islam yang dapat di-gambarkan menerusi kebulatan sidang mereka,

Maulud di-Sengkurong



di-alunkan pula oleh umat Islam ini — kendati pun begitu mereka bukan pula menyumbang-kan nya di-sumbangkan untuk mengucap selawat kepada junjongan kita di-najlis berzikir



ANTARA lain yang turut hadir di-majlis berzikir di-ibu negeri termasuklah YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md Zain (dua kanan), YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid (tengah) Dato Paduka Haji Abdullah, Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan Haji Salim bin Haji Besar, Kadzi Daerah Brunei-Muara (kanan).

...di-Masjid Kg Kilanas



INI-LAH barisan sa-bahagian dari jenerasi muda kita yang bakal mewarisi ketulian ajaran dan petunjuk Ugama Islam yang tidak mahu ketinggalan dan mempertahankan kesucian-nya. Walau pun usia masih di-katakan muda namun apa yang mereka perolchi dari pengajaran orang tua2, mereka dapat juga menunjukkan bakat dan kebolehan-nya masing2 di-bidang berzikir khusus-nya.

...Berzikir Maulud di-Serusop



KECHERMATAN dan keshuso'an pembawaan lagu zikir di-majlis tersebut, umat Islam ini pula tidak ketinggalan untuk sama2 menandai tanggung-jawab pada mempertahankan kesucian Islam yang di-ilhamkan dalam tema menyambut Maulud tahun ini.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Hiboran pilihan; 8.30—Permintaan Pagi Rabu; 9.30—Lagu dan Senikata; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph Pendengar; 11.00—Teman Mekar; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI:** 12.00—Senandong Ria—Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi Harapan; 1.30—Menjelang Rehat. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Untuk Belia; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukkadam—Bingkisan hari ini; 6.10—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **Lagu2 dakwah.** **MALAM:** 7.00—Serbanika hiboran—Azan isha; 7.30—Hiboran pilihan; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Permintaan Sukaramai; 9.30—Apa pilihan awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Rampai London; 8.15—Hiboran; 8.30—Apa pilihan awda (SU); 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Selangan 10.30—Permintaan Sukaramai; 11.30—Salam mesra (SU). **T/HARI:** 12.00—Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawar; 1.30—Mari Menyanyi; **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukkadam—Bingkisan hari ini; 6.09—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib—Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00—Tafsir Al-Koran—Azan isha; 7.30—Bimbingan dari Al-Koran; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Pertanian dan Perikanan; 8.30—Mari Menyanyi (SU); 9.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30—Tafsir Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan di-udara; 10.30—Dari Kampong ka-Kampong; 11.00—Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30—Keluarga Jaya. **T/HARI:** 12.00—Lagu2 dak-

wah; 12.15—Bachaan Al-Koran; 12.30—Menu-naikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15—Qasidah; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Permainan Gambus (SU). **PETANG:** 2.15—Varia Peristiwa; 2.30—Ruangan Kitani; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Apa Pendapat Awda; 3.30—Focus radio; 4.00—Tunas pendidek (SU); 4.30—Chitrawara; 5.00—Rakaman radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Suntingan khutbah Jumaat—Siri mukkadam; 6.09—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib—Bingkisan hari ini—Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00—Cherpen dan selokannya—Azan isha; Gurindam Lagu (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00—Permintaan Sukaramai; 9.30—Majallah Ugama (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Sunitngan haiday/Peringatan harian; 7.30—Pada hemat saya; 8.00—Soalan di-udara; 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.30—Apa Pendapat Awda (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Varia Peristiwa (SU); 10.30—Serbanika hiboran (SU); 11.00—Focus radio (SU); 11.30—Berdendang dengan ku. **T/HARI:** 12.00—Rampai Tengahari, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan Hujung Minggu. **PETANG:** 2.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30—Lagu dan Senikata (SU); 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Hiboran selingan—Azan fardhu dzohor; 3.30—Cherpen dan selokannya; 4.00—Chitra irama; 4.30—Mutia asli (SU); 5.00—Rampai Peristiwa dunia; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukkadam; 6.09—Menunaikan sembahyang maghrib—Bingkisan hari ini—Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00—Dari kampong ka-kampong (SU)—Azan fardhu isha; 7.30—Mu-

tiara gambus (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shear (SU); 9.00—Hiboran pilihan; 9.30—Titian budaya; 9.45—Senandong malam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan haidayah; 10.07—Bachaan ayat suchi Al-Koran; 10.20—Doa restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Dunia Wanita; 8.30—Pesta Pop; 9.00—Taman Mekar; 9.30—Doktor Radio; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30—pancharagam Tempatan; 11.00—Permintaan dua station. **T/HARI:** 12.00—Sandiwara radio; Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Combo RTB; 1.45—Pilihan instrumental. **PETANG:** 2.00—Petikan dari filem; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Mari berpantun, Azan Asar; 3.45—Sokan dan olahraga; 4.15—Drama dalam shaer; 4.45—Pilihan juruhebah; 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00—Tuntunan zikir di-radio; 6.09—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Bingkisan hari ini, Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00—Suara parajurit, Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Gurindam Lagu; 9.00—Tunas pendidek; 9.30—Permintaan lagu lama; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan haidayah; 10.07—Bachaan ayat suchi Al-Koran; 10.20—Doa restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Petikan dari filem (SU); 9.00—Rampai sari hiboran; 9.30—Dendang antarabangsa; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—

—Berdendang dengan ku; 10.30—Sains dan Perusahaan; 11.00—Album penyanyi; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI:** 12.00—Komintar Radio; 12.15—Rampai T/Hari, Azan Dzohor; 12.30—Rampai Tengah Hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan Sukaramai. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Keluarga Si-Awang; 5.30—Siri mukkadam, Bingkisan hari ini; 6.10—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00—Penyanyi harapan; 7.30—Lagu2 dakwah; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Chitra iama (SU); 9.00—Pertanian dan perikanan; 9.30—Mutia asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan haidayah; 10.07—Bachaan ayat suchi Al-Koran; 10.20—restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Suara Parajurit (SU); 9.00—Permintaan Untuk Wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London; 10.30—Autograph pendengar (SU); 11.00—Doktor Radio (SU); 11.30—Salam mesra; **T/HARI:** 12.00—Hiboran rampai tengah hari, Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tamu Minggu ini; 1.30—Ku sampaikan Salam. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukkadam, Bingkisan hari ini; 6.10—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00—Ruangan ketani (SU); 7.30—Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Pencharagam (SU); 9.00—Dunia Wanita (SU); 9.30—Keluarga Jaya (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang di-undang untuk memilih lagu2 dalam Ranchangan Apa Pilehan Awda minggu ini ialah Dayang Suzana bte Bisu, di-alamat No. 2, Kampong Bakiau, Tutong.

Lagu2 pilehan-nya akan ka-udara pada hari ini, 14hb Januari 1981, jam 9.30 malam.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 28; 11.15 — Lunch Music. NOON:** 12.00 — Hits In Germany. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — English Examined Prog. 28 (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — The Pleasure of Your Company presented by Dorn Williams produced by Viviyanti Ali; 10.00 — Close Down.**

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — where we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON:** 12.00 — My Music. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — New Programme; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement Sixty-Minute Theatre: "Full Ballons" by Don Haworth; 9.00 — Interlude; 9.15 — News; 9.30 — BBC Scottish Radio Orchestra Programme — 5; 10.0 — Close Down.**

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Re-

lay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — New Programme; 11.45 — Light Music From The Netherlands — 547. NOON:** 12.00 — Friday Voices by Viviyanti Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound; 1.15 — World or Education; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30 — Dr Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.**

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Women's World; 11.30 — International Call. NOON:** 12.00 — Sweet And Stylish. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break by Asha Devaraj; 1.00 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Ak Hisamuddin; 9.00 — Room at the Top; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.**

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — All for the Blind by Jaafar Yaakub. NOON:** 12.00 — Children's Half Hour by Veronica Shim. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Belait At One by

Andrew Pastounna and Ideris Ali; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — John Dankworth; 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Ak. Hisamuddin; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.**

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 29; 11.15 — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. PM:** 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Ja'afar Yaakub; 1.15 — Brunei Tourists In London; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — With Great Pleasure — Kenneth More; 8.30 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.**

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine. NOON:** 12.00 — Doctor At Large. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — International Hits Made Germany; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Ian Dury and The Blockheads" Side 2; 8.30 — Friday Voices (repeat); 9.00 — English Examined: Prog. 21 (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Belait At One (repeat); 10.00 — Close Down.**



DRAMA sa-harian di-sebuah sekolah ada-lah menjadi pokok cerita dalam siri — Grange Hill.

RSEMBAHAN KU

boran, Radio Talivishen Brunei, membil bahagian dalam ranchangan PER- ini, di-bawah ini di-sertakan borang per-

Apam Lemak Manis Masakan minggu ini

Bahan2-nya :

- 1 kati tepong
- $\frac{1}{2}$ kati gula
- $\frac{1}{4}$ kati gula-goreng—kuningkan, banchoh dengan sedikit ayer, mndidehkan sa-hingga pekat
- 1 gelas sedang susu chair berchampor ayer
- 3 biji telur ayam
- 3 sudu teh penoh bicharbonate of soda
- $\frac{1}{2}$ sudu teh esen ros
- $\frac{1}{4}$ biji kelapa-buang kulit ari, parutkan dan gaulkan dengan sedikit garam.

Chara membuat-nya :

1. Ayak tepong dan bicarbonate of soda
2. Pukul telur dan gula sa-hingga kembang dan gula hanchor.
3. Masukkan telur sedikit2 ka-dalam tepong, selang2kan dengan susu chair. Banchohkan sa-hingga rata.
4. Tuangkan gula goreng, kachau rata2 dan kemudian masukkan esen ros.
5. Minyakkan achuan dan tuangkan adonan.
6. Kukoskan sa-lama 45 minit-1 jam
7. Apabila masak, sejokkan, potong bentuk wajik dan hidangkan dengan kelapa parut.

Tandatangan



THE Big Valley — Pela-kun2 utama dari kiri, Lee Majors, Richard Long, Peter Breck dan Charles Briles. Minggu ini episod-nya bertajok : "The Challenge."



LESLIE Ann Warren sa-bagai Sarah Pennington Kendrick dalam siri baru 'Benlah Land' — mulai esok jam 7.15 malam.

The War Years

THE FALL OF BERLIN

PERJUMPAAN tiga wakil kuasa2 besar — Roosevelt, Churchill dan Stalin di-Yalta telah dapat memastikan nasib haluan Eropah untuk beberapa tahun hadapan. Dari segi politik Stalin telah dapat "menumpaskan" Roosevelt yang memang sudah kurang sehat ketika menghadhiri persidangan itu. Stalin juga telah mengator strategi supaya empire British akan jadi lemah sa-lepas peperangan itu.

Sa-telah kematian Roosevelt, Churchill terpaksa menurut isi kandungan perjanjian dan tundok kepada sekutu yang lebih kuat. Tentera Russia menuju Berlin dari timur Eropah manakala tentera Bersekutu dari barat. Dengan kemaraan mereka, Hitler dan pegawai2 Nazi-nya telah mengambil keputusan untuk membunuh diri — dan dalam serangan itu Berlin telah hangus terbakar.

Walau pun ketua2 tentera Jerman telah menandatangani perjanjian menyerah dengan tentera2 Bersekutu tetapi pehak Russia berkehendakkan satu perjanjian lagi dengan mereka untuk mengukuhkan kemenangan mereka itu. Dengan itu peperangan di-Eropah pun berakhir.

RANCHANGAN TVP DARI 19HB HINGGA 25HB JAN.

ISNIN — 19HB JAN

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG 263
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERMAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, KATA SI-MANIS, PA' LONG, CHERITA, dan CHERMIN SAKTI.
Hari ini Che'gu Rokiah akan bercherita berkenaan dengan Maulud.

SELASA — 20HB JAN

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 264
Di-dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, MAIN BAKUL, SI-MANIS, AMIN, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Hari ini Che'gu Rokiah akan tunjukkan chara hendak membuat rumah daripada kotak kosong.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 264

RABU — 21HB JAN

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 265
Ranchangan kali ini di-muati dengan

aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMINAH, BELON SI-MANIS, YANG MANA GANJIL dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 265.

KHAMIS — 22HB JAN

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 266
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah akan membuat aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENA, CHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Hari ini cherita Che'gu Rokiah bertajok 'Titisan Ayer Mata Duyong'.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 266

JUMAAT — 23HB JAN

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERSENA, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS,

AMINAH, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Masa BERCHERITA Che'gu Rokiah akan bercherita daribal sa-ekor bangau betina bernama Si-Panjang.

SABTU 24HB JAN

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 267
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN KERUSI, BANG, KETUA KESELAMATAN, AMIN, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Hari ini Che'gu Rokiah akan bercherita darihal Asal Usul Bukit Tagiok.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 267.

AHAD — 25HB JAN

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUSIK, KAJIKAN SA-MULA JADI, MAIN BAKUL, MAIN BELON, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan KAJIAN SA-MULA JADI Che'gu Rokiah akan menunjukkan bagaimana biji benih tumbuh.



berlumba2 untuk mengejar kemajuan, nita Dayang Salmah Abdul Rahman bertemu bual dengan Hajjah Dg Zainab bertemu bual ini akan dapat awda ikuti Ahad jam 8.15 minit pagi dan siaran



KELIHATAN Awang Bakar Piut dari Chawangan 'A' yang menjadi johan dalam bahagian perseorangan lelaki sedang menerima hadiah dari Pesuruhjaya Polis, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Olahragawan di-seru lengkapkan diri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para olahragawan di-negeri ini telah digesa untuk mengambil langkah yang positif bagi melengkapkan diri dalam kesukanan masing2 demi untuk meningkatkan nama Brunei di-perengkat antara-bangsa.

Gesaan tersebut telah di-buat oleh Penolong Penyusun Latehan Jasmani, Awang Tuah bin Nordin sa-jurus sa-belum merasmikan Pertandingan Sepak Takraw Piala Intan Kali Ke-2 yang telah dianjurkan oleh Persatuan PERKASA bertempat di-Pusat Belia di-sini minggu lalu.

Mashuarat Lumba Basikal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Lumba Basikal Amatir Brunei akan mengadakan satu mashuarat pada 18hb Januari ini bertempat di-Pusat Belia di-sini.

Mashuarat tersebut adalah bertujuan untuk memberikan penerangan lengkap mengenai perlumbaan trek yang akan di-adakan di-Padang Kebajikan Belia dan Sokan di-Berakas pada 15hb Februari depan.

Mereka yang berhasrat untuk menyertai perlumbaan adalah di-minta hadir ke mashuarat tersebut.

Pada ketika negeri kita sedang menanti saat kemerdekaan yang akan menjelang dalam tahun 1983 nanti, rakyat di-negeri ini sering di-seru oleh para pembesar negara supaya melengkapkan diri masing2. Oleh itu jelas Awang Tuah, bagi mereka yang sedang bergiat dalam lapangan sokan haruslah sudah mula memperlengkapkan diri dengan meniru dan berlatih dalam kechenderongan masing2 demi maksud untuk menjulang dan mengharumkan nama Brunei di-pertandingan2 antara-bangsa agar negara kita di-kenali dan di-segani melalui sokan dan olah-raga.

Kapada pemain2 yang berpengalaman yang telah sering mewakili negara ini ke-pertandingan luar negeri, Awang Tuah berseru agar mereka bersedia menchurah dan mengajarkan pengalaman mereka itu kapada pemain2 yang baru muncul khas-nya pemain2 muda yang mana akan menjadi harapan negara masa depan.

Pertandingan yang terbuka kapada semua pasokan sepak takraw di-seluruh negeri itu telah disertai oleh lebih dari 30 buah pasokan dan telah di-menangi oleh Pasokan LAILA MUFAKAT dari Kampong Saba.

Dengan kemenangan tersebut Pasokan Laila Mufakat telah menerima sa-buah Oskar yang di-hadiahkan oleh Haji Mandan bin Jambol dan sa-biji Piala Irian yang di-hadiahkan oleh Awang Ahmad Ghazali bin Haji Tengah.

Naib Johan dalam pertandingan tersebut ia-lah Pasokan WHITE CLUB juga dari Kampong Saba yang juga telah menerima sa-biji piala iringan dari Awang Ahmad Ghazali manakala tempat ketiga dan keempat telah di-menangi oleh Pasokan UJONG TANJONG dan BENARA dari Jabatan Kerja Raya.

KEDUA2 gambar menunjukkan bagaimana hebat-nya pertandingan antara Pasokan Laila Mufakat dan Pasokan White Club.

RENTAS DESA PASOKAN POLIS

GADONG. — Lebih dari-pada 200 orang anggota Pasokan Polis Diraja Brunei telah mengambil bahagian dalam perlumbaan rentas desa antara yunit2 pasokan Polis yang berlangsung di-sini minggu lalu.

Perlumbaan yang telah di-adakan buat kali ketiga itu ada-lah merupakan aktiviti tahunan bagi Majlis Sokan Pasokan tersebut. Ia-nya terbahagi kapada bahagian berpasokan dan perseorangan.

Perlumbaan bagi bahagian lelaki yang berumur



40 tahun ka-atas dan peserta perempuan-nya bermula dari simpang Jalan Katok sementara yang lain-nya bermula di-Pantai Tungku. Kedua2-nya berakhir di-Stadium Hassanah Bolkiah di-sini.

Dalam bahagian perseorangan, bahagian lelaki telah di-menangi oleh Awang Abu Bakar bin

Piut manakala Dayangku Mariam telah memenangi bahagian tersebut dalam bahagian perempuan.


Bagi peserta yang berumur 40 tahun ka-atas, ia-nya telah di-menangi oleh Awang Adnan bin Jais sementara bahagian kumpulan pula telah di-menangi oleh Kumpulan 'A' dari Division 'A'.



TIGA orang pegawai dari Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran Brunei sekarang sedang mengikuti kursus sa-lama dua bulan di-Singapura.

Mereka sedang mengikuti kursus yang meliputi teori dan praktikal dalam pengendalian dan pentadbiran Latehan Jasmani di-Kementerian Pelajaran di-sana.

Gambar atas ia-lah sa-jurus sa-belum mereka bertolak meninggalkan negeri ini. Dari kiri Penyusun Pendidikan Latehan Jasmani, Awang Haji Hussein bin Zainal, Dayang Halimah bte Bungsu dan Awang Abdul Hamid bin Momin kedua2-nya Penolong Penyusun Pendidikan Latehan Jasmani.



Rentas Desa antara Kompeni Batalian Kedua AMDB

TUTONG. — Sa-ramai lebeh kurang 600 orang anggota dari tujuh Kompeni, Batalian Kedua Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menyertai perlawanan rentas desa antara kompeni, yang telah di-adakan di-Perkhemahan Tutong pada hari Jumaat 9hb. Januari, 1981 yang lalu.

Perlumbaan yang mengikut sa-panjang pantai menuju ka-hujung Penanjong dan berpatah balik ka-padang perkhemahan itu merupakan perseediaan bagi memilih wakil Batalian Kedua ka-perlawanan antara yunit, yang akan di-adakan dalam bulan Februari depan di-Perkhemahan Berakas.

Sa-lain dari itu, perlawanan tersebut juga bertujuan bagi memilih kejohanan kompeni, dan kejohanan perseorangan bagi

anggota yang berusia 30 hingga 35 tahun dan yang berusia 35 tahun ka-atas.

Tempat pertama dalam bahagian perseorangan telah di-menangi oleh perajurit Tanam bin Rambai dari Kom. I, perajurit Mapang bin Hidup dari 'E' Kompeni mendapat tempat kedua, dan tempat ketiga jatuh kepada perajurit Mat Jeneh bin Ibrahim juga dari 'E' Kompeni.

Johan perseorangan bagi anggota yang berusia 30 hingga 35 tahun pula disandang oleh Kpl Marsal dari 'E' Kompeni, tempat kedua di-menangi oleh Sgt. Mat. Zan dari 'E' Kompeni, dan tempat ketiga jatuh kepada WO2

Mills dari Pasokan Peninjau.

Bagi yang berusia 35 tahun ka-atas, tempat pertama di-menangi oleh Sgt. Jumat dari 'E' Kompeni, tempat kedua ia-lah WO2 Leafe dari Pasokan Peninjau, manakala tempat ketiga Major Winter dari 'E' Kompeni.

Hadiah kejohanan antara kompeni di-menangi oleh 'E' Kompeni, tempat kedua di-menangi oleh 'F' Kompeni dan ketiga ia-lah 'G' Kompeni.

Hadiah kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh isteri Pegawai Pemerintah Batalian Kedua AMDB Puan A.C.H. Bennett.



ISTERI Pegawai Pemerintah Batalian Kedua ketika menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang peserta yang berjaya di-perlumbaan tersebut antara kompeni.

BARISAN peserta2 perlumbaan rentas desa antara kompeni Batalian Kedua berebut-rebut antara satu sama lain untuk mengatasi kepantasan masing2 bagi mencapai matalamat kemenangan sedang menyusur pantai di-mana perlumbaan tersebut di-jalankan (gambar sebelah kanan), manakala gambar bawah, dari jumlah hampir 600 orang peserta yang menyertai perlumbaan itu, maka yang pantas dan chekap menghayunkan kakinya berjaya pula menghampiri garis penamat perlumbaan yang berakhir di-kawasan perkhemahan mereka, walau pun dalam keadaan letih dan dahaga sa-panjang perlumbaan itu di-tanggung namun berpatah haluan atau mengalahkan di-tengah jalan tidak sekali — begitu-lah agak-nya azam peserta2 yang mengakhiri garis penamat ini.



Anggota2 AMDB berkursus

BERAKAS. — Lebeh ramai lagi anggota dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas ka-United Kingdom dan Singapura dalam bulan Februari depan, bagi menjalani berbagai kursus.

Berlepas ka-United Kingdom pada 31hb. Januari ia-lah 84 Kpt. Haji Md. Jaafar bin Hj. Jaludin dari Batalian Kedua, untuk mengikuti kursus Special Telecommunications Appreciation, bertempat di-Signal Regiment ka-8, Catterick Garrison, North Yorkshire.

Kursus itu akan bermula pada 2hb. Februari dan di-jangka akan berakhir pada 22hb. Mei, 1981.

Sementara itu, 6040 perajurit Bohari bin Raga dari Bengkel Pasokan, akan bertolak ka-Singapura pada 4hb. Februari untuk menjalani kursus Vehicle Electrician NCO Class II sa-lama kira2 enam minggu di-SAF Or-

dnance School, Kem Ayer Rajah III.

Pada 9hb. Februari, dua orang anggota dari Batalian Pertama, 106 Lt. Mohd. Samid bin Hj. Abd. Aziz dan 134 Lt. Hj. Said bin Hj. Puteh, juga akan berlepas ka-republik tersebut bagi menjalani kursus asas penerbangan di-Sekolah Latehan Komando, Singapura. Kedua-dua anggota tersebut akan memulakan kursus pada 16hb. Februari dan akan mengakhiri-nya pada 14hb. Mach, 1981.

Pasokan tersebut juga akan menghantar tiga orang anggota-nya bagi menghadiri kursus Vehicle Mechanic Class I di-SAF Ordnance School, Kem Ayer Rajah III di-Republik Singapura, sa-lama kira2 sa-bulan.

Mereka yang akan mengikuti kursus tersebut ia-lah 4687 Kpl Johari bin Maidin dari Pasokan Peninjau, 6268 perajurit

Othman bin Hj. Abdullah dari Batalian Kedua LAD, dan 6273 perajurit Mat Daud bin Mat Salleh dari Batalian Pertama LAD. Mereka akan berlepas ka-Republik Singapura pada 21hb. Februari, 1981.

Mengikut penerbangan yang sama pada hari itu ia-lah 6609 Pegawai Kadet Ak. Rosli bin Pg. Chuchu dan 6610 Pegawai Kadet Abidin bin Harris, kedua-dua-nya dari Yunit Pusat Latehan, yang mana akan mengikuti dua kursus yang berasingan di-United Kingdom.

Kedua-dua anggota tersebut akan menghadiri kursus 28-Pre-Standard Military di-Army School of Languages, Buckinghamshire pada 23hb. Februari hingga 17hb. Julai, 1981, dan akan memulakan kursus kedua, 28-Standard Military di-Akademi Tentera Diraja, Sandhurst pada 7hb. September hingga 9hb. April tahun depan.



JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 24th February 1981 for the construction and completion of:—

PUBLIC SERVICE COMMISSION BUILDING, OLD AIRPORT, JALAN BERAKAS, BRUNEI.

2. Tender documents including Bill of Quantities can be examined at and obtained from the office of the Architects:—

Sabah Akitek dan Rakan, 3rd Floor, Room 403, Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei

from 26th January 1981 onwards during normal office hours.

3. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenders are required to:—

A. produce evidence of their P.W.D. registration status.

B. produce a letter from his bank (the said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum

of approximately B\$2,000,000.00) in accordance with the Conditions of Contracts.

4. The Tender Deposit required is B\$10,000.00 (Brunei Dollars Ten Thousand only) which is in the form of a cheque and shall be made payable to the Architects. This Deposit is refundable to each unsuccessful tender upon the receipt of a bona fide tender and the return of all Tender Documents in good condition. Tenderers will have to bear cost of any damage to tender documents issued to them, any such cost will be deducted from the Tender Deposit.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-typed envelopes provided and properly sealed. There must be no identification of the name and address of the tenderer on the envelopes.

6. Tenders are to be submitted and must reach the office of:—

The Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei,

not later than 12.00 noon, Tuesday 24th February 1981. Tenders received after the stipulated closing time and date will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TAWARAN MEMBEKALKAN KAYU UNTUK TAHUN 1981 KEPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, BRUNEI

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada 24hb Februari, 1981 untuk membekalkan kayu jenis KAPOK BUKIT/SELANGAN dan MERANTI (hanya jenis Kayu MERANTI berketam) kepada Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Brunei seperti sukatan2 berikut:—

- | | |
|-------------------|-----------------------|
| 1. 6" x 6" x 20' | 24. 2" x 2" x 18' |
| 2. 6" x 6" x 18' | 25. 2" x 2" x 16' |
| 3. 6" x 6" x 16' | 26. 2" x 2" x 14' |
| 4. 6" x 6" x 14' | 27. 2" x 2" x 12' |
| 5. 6" x 6" x 12' | 28. 1 1/2" x 6" x 16' |
| 6. 4" x 12" x 24' | 29. 1" x 8" x 16' |
| 7. 4" x 12" x 20' | 30. 1" x 8" x 14' |
| 8. 4" x 8" x 18' | 31. 1" x 8" x 12' |
| 9. 4" x 8" x 16' | 32. 1" x 2" x 16' |
| 10. 3" x 6" x 18' | 33. 1" x 2" x 14' |
| 11. 3" x 6" x 16' | 34. 1" x 2" x 12' |
| 12. 3" x 6" x 14' | 35. 2" x 2" x 18' |
| 13. 3" x 6" x 12' | 36. 2" x 2" x 16' |
| 14. 3" x 4" x 18' | 37. 2" x 2" x 14' |
| 15. 3" x 3" x 16' | 38. 2" x 2" x 12' |
| 16. 3" x 3" x 14' | 39. 1" x 8" x 18' |
| 17. 3" x 3" x 12' | 40. 1" x 8" x 16' |
| 18. 2" x 8" x 16' | 41. 1" x 8" x 14' |
| 19. 2" x 4" x 16' | 42. 1" x 8" x 12' |
| 20. 2" x 3" x 18' | 43. 1" x 2" x 18' |
| 21. 2" x 3" x 16' | 44. 1" x 2" x 16' |
| 22. 2" x 3" x 14' | 45. 1" x 2" x 14' |
| 23. 2" x 3" x 12' | 46. 1" x 2" x 12' |

2. Pembekalan ini ada-lah untuk satu tahun dengan syarat2 berikut:—

- Kayu yang di-kehendaki oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Brunei hanya akan di-keluarkan oleh Pembekal yang berjaya sa-telah menerima pesanan sa-chara Indent yang di-tanda tangani oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara atau Pegawai yang di-beri kuasa untuk menanda tangani pesanan tersebut;
- Sa-telah menerima pesanan, pembekal yang berjaya, hendak-lah menyediakan dan menghantarkan kayu2 itu ka-Bengkel Pejabat Daerah Brunei/Muara, Jalan 'Airport' lama, Berakas di-antara jam 7.30 pagi hingga 12.15 tengah hari;
- Pegawai Daerah atau wakil yang di-tugaskan bagi penerimaan kayu yang di-pesan berhak menolak sebarang kayu yang di-dapati tidak bersesuaian mengikut pesanan. Pembekal ada-lah bertanggung-jawab dan mesti-lah bersedia untuk mengganti dengan serta merta kayu2 yang tidak bersesuaian dengan kayu2 yang di-kehendaki dalam pesanan, jika perkara ini terjadi;
- Pembekal hendak-lah membekalkan kayu yang di-pesan sa-lewat2-nya dalam tempoh dua minggu dari tarikh pesanan di-buat, jika sekira-nya pembekal gagal untuk membekalkan kayu yang di-pesan dalam tempoh di-tetapkan, dengan tidak memberi sebab2 sa-chara bertulis, maka Pegawai Daerah berhak membuat sebarang pesanan kepada pembekal lain dengan persetujuan bersama (Pegawai Daerah/Pembekal lain) jika pembekal lain tersebut membekalkan kayu2 dengan harga tenderer, maka perbezaan harga kayu tersebut ada-lah di-di-tanggung oleh tenderer;
- Bayaran pada tiap2 satu pesanan yang di-buat oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, hanya akan di-jelaskan sa-telah di-sahkan bahawa bekalan kayu2 itu ada-lah bersesuaian dengan pesanan dan menchukopi di-segi jumlah dan kualiti-nya;
- Pembekal2 yang berhajat untuk memasoki tawaran ini mesti-lah menyatakan harga kayu tiap2 satu (1) ton dan nyatakan harga ini termasuk upah pengangkutan atau tidak.

J.K.R.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

SERIAL No. KB30/1980

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Konektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Januari, 1981 bagi:—

PEMBENAAAN TIGA BUAH DUA KELAMIN RUMAH CLASS "G" UNTUK ARMY GARRISON, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB30/1980

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th January, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF 3 BLOCKS 2 UNITS CLASS "G" QUARTERS FOR ARMY GARRISON, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

SERIAL No. KB1/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Konektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Januari, 1981 bagi:—

RAISING OF EXISTING SEWER MANHOLES AND CHAMBERS AT KUALA BELAIT AND SERIA SEWERAGE SCHEME.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB1/1981

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th January, 1981 for:—

RAISING OF EXISTING SEWER MANHOLES AND CHAMBERS AT KUALA BELAIT AND SERIA SEWERAGE SCHEME.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

TENDER NOTICE

TENDER FOR PA SYSTEM, CURTAIN AND SCREEN FOR PROPOSED LECTURE THEATRE/CINEMA AT BERAKAS CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Specialist Contractor up to 12.00 noon, 10th February, 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PA SYSTEM, CURTAIN & SCREEN FOR PROPOSED LECTURE THEATRE/CINEMA AT BERAKAS CAMP."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Room 15, 2nd Floor, Hongkong Bank Cham-

Sa-bagai

Penyambut

Mess di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan kosong sa-bagai Penyambut Mess di-Askar Melayu Diraja Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah berumur 18 hingga 35 tahun dan sekurang2-nya berada di-dalam Tingkatan 1 Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Calon2 yang berpengalaman akan di-beri keutamaan.

Tangga Gaji: F.3-4 EB.5—\$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Februari, 1981.

(E/537/79)

(Bil: 2/1981)

NOTIS TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchatet buku PERIBAHASA SEKOLAH RENDAH untuk Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. Penentuan2 (specifications) mengenai buku ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

2. Tawaran hendak-lah di-masukkan ka-dalam sampul surat tertutup dengan perkataan2 TAWARAN MENCHATET BUKU PERIBAHASA di-bahagian atas sa-belah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran, d/a Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan, Brunei

tidak lewat daripada hari Isnin, 26hb Januari, 1981.

3. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana tawaran2 atau kepada tawaran yang paling rendah.

TENDER NOTICE

PUBLIC WORKS DEPARTMENT BANDAR SERI BEGAWAN SEWERAGE AND SEWAGE DISPOSAL — CONTRACT No. 2 ADDITIONAL PUMPING PLANT

TENDERS are invited from suitably experienced firms for the supply and erection of additional pumping machinery in existing sewage pumping stations in Bandar Seri Begawan, and for the overhaul of existing sewage pumping plant.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers, Watson (S.E. Asia), at either of the following addresses:—

Room 40, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei.

OR 18th Floor, Tunas Building, Anson Road, Singapore 0207.

Documents will only be issued to firms who have suitable experience in the supply, erection and overhaul of sewage pumping machinery and ancillary equipment, to the authorised agents of such firms.

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B\$500.00 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to every unsuccessful tenderer who submits a bona-fide tender, but not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday, 16th March 1981.

TENDER NOTICE

THE SUPPLY, INSTALLATION AND GLAZING OF ALUMINIUM CURTAIN WALLING, WINDOWS, DOORS AND SCREENS FOR THE HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

1. TENDERS together with priced Bill of Quantities will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for the construction and completion of the above noted works up to 12.00 noon on 17th February 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY, INSTALLATION AND GLAZING OF ALUMINIUM CURTAIN WALLING, WINDOWS, DOORS AND SCREENS FOR THE HIGH COURT BUILDING,

BANDAR SERI BEGAWAN."

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of International Project Consultants, Architects and Engineers, Room 41, Britannia House, Bandar Seri Begawan from 15th January 1981 during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B\$500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tenders provided.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN MEMBEKALKAN BATU UNTUK TAHUN 1981 KEPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, TAHUN 1981

ADA-LAH di-pelawa kepada sharikat2 yang boleh membekalkan batu bagi tahun 1981 kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

2. Batu2 yang akan di-kehendaki ia-lah berukuran seperti berikut di-bawah:—

- Batu bulat (belum di-pecah);
- Batu di-pecah ukuran 1";
- Batu di-pecah ukuran 2"; dan
- Abok batu.

3. Pembekal ada-lah di-minta memberi tahu harga pada tiap2 SA-ELA PADU dari jenis batu2 yang tersebut diatas termasuk mengisi ka-dalam kenderaan. Pembekal ada-lah juga di-minta menyatakan tempat mereka menyediakan batu2 tersebut di-da-

lam Daerah Brunei dan Muara.

4. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, di-alamatkan kepada Pejabat Kewangan, Brunei dan hendak-lah di-masukkan ka-dalam sampul surat dengan di-tulis "TAWARAN MEMBEKALKAN BATU JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA TAHUN 1981" tanpa membubuh nama pengirim.

5. Semua tawaran hendak-lah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran yang ber alamat di-atas tidak lewat 2hb Februari, 1981.

6. Kerajaan tidak terikat menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau sa-umpama-nya.

Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

- CATEGORIES 4 & 32 — TENDER No. EPS/001-81 Construction of foundation for Stress Relief Furnace SES/2 Workshop, N.I.A., Seria.
- CATEGORY 4 — TENDER No. SES/182-80 The structural repairs and painting work for 3 units overhead domestic tank in Seria and 1 unit of domestic tank in Kuala Belait.

For further information please refer to Tender Notice on B.S.P. Tender Notice Boards.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sa-bagai Juru Pemuleh Anggota

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Juru Pemuleh Anggota di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 :

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari ahli2 Chartered Society of Physiotherapist (United Kingdom) atau lain2 perbadanan yang sebanding.

Tangga Gaji :

M. 11 — B\$1975-2055-2140 - 2225-2310 - 2395 / EB / 2480 - 2565-2650 - 2735 - 2820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kon-

trek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh kontrak. Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Februari, 1981.

(E/239/72)
(Bil : 195/80)

TENDER NOTICE

TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED AMMUNITION DEPOT AT PENANJONG CANTONMENT

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 24th February 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED AMMUNITION DEPOT AT PENANJONG CANTONMENT."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Room 15-17, 2nd Floor, HongKong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 14th January 1981 onwards during normal office hours.
5. The Tender Deposit shall be B\$1,000.00 (Brunei Dollars One Thousand Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.
6. The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.
7. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Electrical Contractor.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED EXTENSION TO PRIMARY SCHOOL AT KIUDANG, TUTONG

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' and 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 10th February 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED EXTENSION TO PRIMARY SCHOOL AT KIUDANG, TUTONG."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Room 15-17, 2nd Floor, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 14th January 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit will be B\$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.
6. The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.
7. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JABATAN 'ADAT ISTIADAT NEGARA NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 hendak-lah di-tujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada 19hb Februari, 1981 bagi membaiki dan menchat Kerusi2 Besi Yang Berkushin P.V.C. sa-banyak 1400 buah.

Butir2 lanjut boleh di-dapati di-Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei pada bila2 masa di-waktu pejabat di-buka.

Tawaran2 yang di-terima sa-lepas tarikh yang tersebut diatas akan di-tolak.

Tawaran2 hendak-lah di-

kemukakan di-dalam sampul surat yang bertanda "TAWARAN BAGI MEMBAIKI DAN MENCHAT KERUSI2 BESI JABATAN 'ADAT ISTIADAT NEGARA" dan nama pemborong tidak perlu di-nyatakan di-sampul surat.

Sampul surat tersebut hendak-lah di-alamatkan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran, d/a Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kerajaan ada-lah berhak untuk menolak tawaran yang rendah atau mana2 tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN SETOR DAN PERBEKALAN NEGARA TAWARAN BIL. 1/81 PENGANGKUTAN DAN PEMUNGGAHAN

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sahingga 12.00 tengah hari, hari Selasa, 27hb Januari, 1981 untuk :—

Mengadakan kenderaan (truck) dan buroh2 bagi mengangkut, memuat, memunggah dan menyusun barang2 kepunyaan Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, bagi tempoh sa-tahun dari 1hb Januari, 1981 hingga 31hb Disember, 1981.

Butir2 lanjut mengenai sharat2 tawaran serta Borang Tawaran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor dan Perbekalan Negara, Jalan Gadong, Brunei dengan membayar wang chagaran (deposit) sa-banyak \$1,000.00.

P.W.D.

TENDER NOTICE

No. 197 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th January, 1981 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI

- (1) THREE (3) UNITS ROAD MARKING MACHINES
- (2) TWO (2) UNITS DUST COLLECTORS FOR ASPHALT PLANTS.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 1 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th January, 1981 for :—

PROPOSED CONVERSION OF RESIDENCE TO CLINIC AT JERUDONG PARK, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 2 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th January, 1981 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI SIX (6) UNITS PORTABLE LUBRICATION EQUIPMENT, SKID MOUNTED.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 3 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th January, 1981, for :—

CONSTRUCTION OF TERMINAL APRON EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

SA-BAGAI AHLI BOMBA PELATEH

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Ahli Bomba Pelateh di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2 :

- a) Umor — di-antara 18 dan 28 tahun.
- b) Tinggi — sekurang2-nya lima kaki empat inci.
- c) Dada — sekurang2-nya 34 inci.
- d) Pelajaran — sa-orang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut di-atas hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Sekolah Melayu atau darjah yang sebanding di-Sekolah Inggeris atau lain2 sekolah.

Kesihatan :

Pemohon2 hendak-lah tidak memakai kaca mata dan mesti-lah mempunyai badan yang sehat dan tegap dan mendarat kelulusan peperiksaan kesihatan yang di-buat oleh Pegawai Perubatan dan Kesihatan Kerajaan.

Menjalankan Tugas2 :

Chalon2 yang berjaya apabila di-daftarkan ada-lah dikehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Gaji :

Mulai dari \$375.00 sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat sa-lama enam bulan dengan memuatkan chalon2 yang di-pileh akan di-naikkan menjadi Ahli Bomba Kelas II dengan gaji sa-banyak \$480.00 sa-bulan dalam sukatan gaji P1. — \$480-490-500-510-520-530-540-550/EB/560-570-580-590-600. Alaan 'P' sa-banyak \$100.00 sa-bulan.

Tempat Kumpulan Pengambilan

Pengambilan orang2 baru ini akan di-adakan di-Muara, Bandar Seri Begawan, Seria/ Kuala Belait dan Tutong sa-perti berikut :—

- a) Pemohon2 dari Muara ada-

lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Balai Bomba Muara pada masa hari berkerja pada hari Selasa 20hb Januari, 1981.

- b) Pemohon2 dari Bandar Seri Begawan ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Balai Bomba Bandar Seri Begawan pada masa hari berkerja pada hari Khamis 22hb Januari, 1981.

- c) Pemohon2 dari Seria dan Kuala Belait ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Balai Bomba Seria pada masa hari berkerja pada hari Sabtu 24hb Januari, 1981.

- d) Pemohon2 dari Daerah Tutong ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Balai Bomba Tutong pada masa hari berkerja pada hari Isnin 26hb Januari, 1981.

Pemohon2 yang suka mendaftarkan nama2 mereka terlebih awal boleh-lah mulai dari sekarang berhubung dengan Balai2 Bomba yang berdekatan dengan memberikan alamat2 dan butir2 bagi kelulusan persekolahan mereka dan sa-bagai-nya tidak lewat dari tarikh 17hb Januari, 1981 yang mana pemohon2 tersebut akan di-beri jawapan dengan bersurat untuk di-temu duga pada tarikh2 pengambilan di-daerah2 yang berkenaan. Lain2 pemohon yang tidak mendaftarkan nama2 mereka terdahulu boleh-lah datang terus ka-tempat2 pengambilan yang tersebut di-atas pada tarikh2 dan jam2 yang di-tentukan.

Chalon2 hendak-lah di-kehendaki membawa bersama mereka sijil2 beranak, sijil2 pelajaran dan kad2 pengenalan mereka sa-masa menghadiri pengambilan tersebut.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang dikehendaki sa-perti yang tersebut di-atas di-minta menghadiri kumpulan tersebut.

Ujian Bertulis :

Chalon2 yang lulus ujian permulaan akan di-uji dengan bertulis dan siapa2 yang gagal dalam ujian itu tidak akan di-sukong untuk jawatan tersebut.

(E/29/62/3—Bil: 196/1980)

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Class A Contractors by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon on Tuesday, 10th February 1981 for:

PROPOSED BAND BLOCK AT BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN.

2. Priced Bills of Quantities are also to be submitted to the Chairman, Tenders Board together with the tenders.

3. Tenders received after this date will be rejected.

4. Tenders shall be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

PROPOSED BAND BLOCK AT BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN.

6. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Thursday 15th January 1981.

7. The Tender Deposit will be \$1,000.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona-fide tender.

8. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.

9. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

KENYATAAN TAWARAN

TEMPAT ORANG TAHANAN, JERUDONG, BRUNEI

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Satu, Bangunan Setia Usaha Kerajaan, Brunei hingga hari Sabtu, 24hb Januari, 1981 jam 4.00 petang, bagi membekalkan barang2 makanan yang belum di-masak (UNCOOKED RATIONS) kepada Orang2 Tahanan di-Tempat Orang Tahanan, Jerudong, Brunei.

Barang2 yang hendak di-bekalkan ada-lah sa-perti berikut :—

- | | | | |
|---|---------|------------------------------------|-----------|
| 1. Beras | sa-lb. | 19. Buah2an (fresh fruits) | sa-biji |
| 2. Ikan Hidup No. 1 dan 2 | sa-lb. | 20. Minyak Makan | sa-lb. |
| 3. Udang Hidup No. 1 dan 2 | sa-lb. | 21. Garam | sa-lb. |
| 4. Daging Kerbau No. 1 | sa-lb. | 22. Asam | sa-lb. |
| 5. Ayam (sa-telah chabut bulu) | sa-lb. | 23. Rempah Serbok | sa-lb. |
| 6. Savor Daun (sawi, bayam, lobak kangkong dll). | sa-lb. | 24. Rempah Kunyit | sa-lb. |
| 7. Savor Buah (kachang panjang, bonches, petola dll). | sa-lb. | 25. Chili Hidup | sa-lb. |
| 8. Ubi Kentang | sa-lb. | 26. Chili Kering | sa-lb. |
| 9. Roti Paun | sa-lb. | 27. Bawang Merah | sa-lb. |
| 10. Telor Ayam | sa-biji | 28. Bawang Besar | sa-lb. |
| 11. Teh Lipton | sa-lb. | 29. Kachang Hijau | sa-lb. |
| 12. Kopi Chap Bas | sa-lb. | 30. Ubi Manis atau lain2 jenis ubi | sa-lb. |
| 13. Susu Manis Chap Junjong | sa-lb. | 31. Kelapa Tua | sa-biji |
| 14. Milo | sa-lb. | 32. Rokok 555 | sa-batang |
| 15. Horlicks | sa-lb. | 33. Machis | sa-kotak |
| 16. Mentega Golden Churn | sa-lb. | 34. Susu Everyday | sa-lb. |
| 17. Jam | sa-lb. | 35. Susu Nespray | sa-lb. |
| 18. Kaya | sa-lb. | 36. Gula Puteh | sa-lb. |

2. Pembekalan ini ada-lah untuk satu tahun mulai dari 1hb April, 1981 hingga 31hb Mach, 1982.

3. Tawaran yang lewat di-terima dari tarikh dan waktu yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan.

4. Mutu dan banyak-nya barang2 yang di-bekalkan itu mesti-lah memuaskan Penguasa, Tempat Orang Tahanan, Jerudong, dan jika barang2 itu tidak memuaskan, maka ia-nya akan di-kembalikan kepada Pembekal dan di-gantikan dengan yang baru atau yang lebih baik dengan harga yang sama. Ikan dan daging mesti-lah tidak termasuk tulang.

5. Semua barang2 mesti-lah sampai ka-Tempat Orang Tahanan jam 7.00 pagi pada tiap2 hari.

6. Pembekal boleh di-berhentikan oleh salah satu pihak dengan memberi satu bulan notis sa-chara bertulis.

7. Semua tawaran mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampul surat dan berlak (sealed) serta di-tandakan dengan terang "PEMBEKALAN BARANG2 MAKANAN YANG BELUM DI-MASAK UNTUK TEMPAT ORANG TAHANAN JERUDONG, BRUNEI." Nama2 pembekal tidak boleh di-tulis di-luar sampul surat.

8. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau sa-umpama-nya.

Banchi Perchubaan Penduduk dan Perumahan di-lanchar

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Banchi Perchubaan Penduduk dan Perumahan Negeri Brunei kini sedang berjalan dan dilaksanakan dalam dua peringkat di-lapan buah kawasan dan kampung2 diseluruh negeri. Banchi perchubaan ini merupakan persediaan banchi sebenar yang akan di-lancharkan bagi kali ke-enam dalam bulan Ogos depan.

Mengikut laporan Banchi Penduduk Brunei 1971, Negeri Brunei telah menjalankan banchi-nya sebanyak lima kali. Banchi2 yang terdahulu itu ia-lah pada tahun2 1921, 1931, 1947 dan 1960 yang kesemua-nya di-adakan sebagai sa-bahagian dari satu pertubuhan banchi yang meliputi negara2 jiran Sarawak dan Sabah. Walau bagaimana pun perangkaan tahun 1911 tidak termasuk kerana ia-nya merupakan satu perhitungan penduduk sahaja bukan satu banchi penuh.

Menurut Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi,

Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie, banchi perchubaan ini ia-lah bertujuan untuk menguji borang tanya, pengendalian dan penyesuaian masa. Hasil atau pengalaman2 yang di-dapati dari banchi perchubaan itu nanti akan di-jadikan sa-bagai asas untuk mengendalikan dengan baik dan lchin serta berkesan banchi yang sebenar.

ahli keluarga

Di-dalam banchi perchubaan itu, kata-nya, penemuduga2 yang terlatih akan melawat sa-tiap rumah di-kawasan2 yang terpilih di-mana mereka akan mendapatkan maklumat2 berkaitan dengan jenis-jenis rumah dan kegiatan2 pertanian keluarga. Bagi lawatan ulangan yang di-jangka di-mulakan minggu depan, penemuduga2 akan menanyakan perkara2 berkaitan dengan ahli2 keluarga seperti jantina, umur, tempat di-lahirkan, taraf kelamin, agama,

bangsa, keraayaan, taraf penduduk, perengkat pelajaran, pekerjaan dan pendapatan.

Banchi penduduk dan perumahan yang di-adakan bagi tiap2 satu dekad dari satu2 masa banchi itu di-jalankan pada asas-nya untuk mengetahui dan meneliti perubahan2 yang berlaku terhadap penduduk2 negeri ini dengan tujuan untuk memudahkan tugas2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan terhadap negara dan segala isi di-dalam-nya.

bertambah

Laporan perangkaan Banchi Penduduk Negeri Brunei pada tahun 1971 menyatakan keramaian penduduk yang di-rekodkan sa-jumlah 136,256 orang telah bertambah 52,379 orang sejak banchi ke-empat (1960). Kadar pertambahan tahunan penduduk dalam jangka masa tersebut ia-lah 4.5 peratus. Perangkaan penduduk ta-



PENEMUDUGA yang di-temani oleh sa-orang pegawai Yunit Peranchang Ekonomi ketika mengunjongi satu keluarga yang terlibat dalam pembanchian perchubaan itu.

hun lalu yang di-keluarkan oleh Yunit Peranchang Ekonomi berjumlah lebih 200 ribu orang tetapi angka ini hanya akan dapat di-pastikan sa-sudah banchi bulan Ogos depan selesai di-jalankan.

di-beri kursus

Di-jangkakan lebih 700 orang akan di-perlukan untuk menyelenggarakan pembanchian bulan Ogos depan; di-mana penemuduga2 yang akan terlibat termasuklah pegawai2 kerajaan, pelajar2 dan orang2 awam. Penemuduga2 tersebut nanti terlebih dahulu di-beri kursus latihan oleh kakitangan dari Pejabat Banchi Pusat.

Dan untuk melaksanakan Banchi Perchubaan ini penemuduga2 telah di-beri kursus sa-lama tiga hari yang telah di-adakan di-Pusat Belia. Penemuduga2 itu kemudian-nya di-bawa melawat dan membiasakan diri mereka dengan kawasan2 banchi masing2 bagi tujuan praktikal dalam chara menemuduga.

Datin Hajjah Jusnani juga menyatakan, pegawai2 banchi yang di-lanchar mempunyai kuasa dalam menjalankan tugas2-

nya seperti yang terkandung dalam Undang2 Banchi Bab 78 (1947) dari Undang2 Negeri Brunei.

mesin komputer

Pelita di-fahamkan bahawa banchi yang akan dijalankan tujuh bulan dari sekarang itu mungkin tidak memerlukan pegawai2 dari Bangsa2 Bersatu atau dari ECAFE dalam mengendalikan-nya, tetapi berkeungkinan pula akan mendatangkan pegawai dari luar untuk menjalankan kerja2 dalam bahagian Pengolahan Data (E.D.P.U.) kerana kerja2

itu terpaksa menggunakan mesin komputer. Ini memandangkan kekurangan pegawai2 tempatan yang berpengalaman dalam melaksanakan kerja2 sa-umpama itu.

Satu pertanyaan baru di-dalam borang-tanya banchi kali ini ia-lah mengenai dengan pendapatan. Tujuan menimbulkan hasil pendapatan ini terhadap keluarga yang di-banchi, kata Datin Hajjah Jusnani, ada-lah berkeungkinan dengan chara ini pehak kerajaan akan dapat mengetahui sama ada wujud-nya kemiskinan di-negeri ini.

Soal2 ugama serahkan kepada ulama

Dari muka 1

Islam hingga dapat wujud dan berdiri di-dalam jiwa umat Islam hingga ka-hari ini.

"Tidak-lah bermakna dengan tiada-nya Rasulullah s.a.w. dan para sahabat memperjuangkan Islam dan mempertahankan kesucian-nya di-hari ini atau di-abad kelima belas ini, maka kita umat Islam terus berpelok tuboh dengan Islam warisan kita itu tanpa menghiraukan ada-kah Islam hari ini di-tindas atau di-nodai serta di-chemoh oleh orang2 yang anti Islam atau pun tidak."

Akan tetapi, jelas Yang Amat Mulia kesucian pada mempertahankan Islam ada-lah berterusan dan menjadi tanggungjawab umat Islam hingga ka-akhir zaman bagi mempertahankan, memperjuangkan dan mene-

gakkan Islam yang bukan hanya sa-takat ugama keperchayaan, akan tetapi ia-nya mesti-lah di-jadikan sa-bagai chara hidup yang lengkap dalam segala bidang dan lapangan hidup kita.

Menyentuh mengenai dengan ada-nya golongan2 yang bukan alim ulama yang chuba untuk menghuraikan sa-suatu hukum bagi sa-suatu masalah di-kalangan orang2 awam, yang mana ia-nya sendiri tidak pasti yakin sama ada penghuraian-nya itu menepati ajaran2 Islam yang sa-benar, Yang Amat Mulia mensifatkan golongan tersebut banyak mendatangkan keburokan daripada kebaikan kerana ia-nya boleh merosakkan keyakinan dan pegangan orang2 awam.

Untuk itu, Yang Amat Mulia itu menggesa supaya soal2 keugamaan yang berkaitan dengan hukum2 di-serahkan saja kepada alim ulama yang benar2 mahir dalam bidang itu, kerana dengan demikian ia juga merupakan salah satu jalan untuk mempertahankan kesucian dan kemuliaan Ugama Islam.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu termasuklah Pengerusi sambutan, Awang Haji Salim bin Haji Besar, Kadhi Daerah Brunei dan Muara.

Majlis berzikir itu di-adakan sa-lama 12 malam berturut-turut yang diambil bahagian oleh

anak2 kampung dan kakitangan jabatan2 kerajaan.

Hadhir sama di-majlis perasmian itu termasuklah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama serta pegawai2 kanan kerajaan yang lain-nya.



BAHAGIAN belakang kereta yang putus dua dan salah sa-buah kereta yang terlibat terlanjar di-tempat kejadian itu.

Kemalangan jalanraya

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Dua korban jiwa telah di-laporkan di-dalam nahas jalanraya ketika musim hujan turun sejak awal bulan ini.

Kejadian pertama kemalangan ini berlaku di-tepi jalan dekat Sengkurong di-mana salah sa-orang pekerja Jabatan Kerja Raya telah terbunuh apabila allahyarham telah di-langgar oleh sa-buas kereta.

Pelita di-beritahu yang allahyarham Asar bin

Khamis, 80 tahun, dari Kampong Kupang sedang bekerja memotong rumput di-tempat tersebut apabila beliau di-langgar. Ada-lah di-perchayai yang kemalangan itu berlaku apabila dua buah kereta chuba mengelakkan perlanggaran dan salah sa-buah daripadanya tergelincir di-tepi jalan dan melanggar Awang Asar. Beliau meninggal serta merta.

Kejadian kedua nahas jalanraya ini melibatkan sa-orang pejalan kaki, Awang Bhadur Rai, 38 tahun, dari Seria dan pehak pulis maseh meminta kerjasama orang ramai bagi mengesan pemandu kereta yang melanggar Awg Bhadur Rai yang di-perchayai telah melarikan diri sa-telah kemalangan tersebut.

Berikut kejadian hujan yang turun sa-panjang hari hampir 20 jam sejak petang Sabtu, 11hb Januari lalu beberapa kejadian kemalangan jalanraya yang tidak mengorbankan jiwa telah berlaku.

Dan salah satu dari-nya ia-lah kemalangan yang berlaku di-Jalan Kebangsaan, Berakas pada hari Ahad lalu yang melibatkan perlanggaran tiga buah kereta.

Dalam perlanggaran itu salah sa-buah kereta di-antarnya telah putus dan dan pemandu-nya serta pemandu kereta lain yang terlibat telah mendapat chedera ringan. Dua buah kereta lain telah binasa terok yang mana sa-buah dari-nya jatuh terbalek.

Dari muka 1
Setiausaha Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei di-Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong.

Majlis Keselamatan Jalanraya telah meng-untukkan hadiah2 wang tunai bernilai \$250 bagi pemenang pertama, \$150 bagi pemenang kedua dan \$100 bagi pemenang ketiga serta lima hadiah sagu hati juga akan di-berikan bernilai \$50 tiap2 satu bagi tiap2 bahagian.